

**13.0 SIJIL PENILAIAN**  
(Disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus ini)

Tarikh: 14 Februari 2000

Lembaga Pengarah  
Poh Huat Resources Holdings Berhad  
1-10, Tingkat 1, Jalan Arab  
84000 Muar  
Johor Darul Takzim

Tuan-tuan

**PENILAIAN HARTA-HARTA KEPUNYAAN  
POH HUAT RESOURCES HOLDINGS BERHAD**

Sijil telah disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus Poh Huat Resources Holdings Berhad yang akan bertarikh 24 Februari 2000 berhubung dengan terbitan awam 11,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam Poh Huat Resources Holdings Berhad pada harga terbitan RM1.80 setiap saham.

Selaras dengan arahan tuan, kami telah menilai Nilai Pasaran harta-harta tanah yang dibentangkan di bawah sehubungan dengan penyenaiaan Poh Huat Resources Holdings Berhad pada Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur. Kami telah menilai harta-harta tersebut di atas pada 17 Jun 1999 dan 26 Julai 1999, butir-butir yang mana telah dibentang dalam laporan penilaian kami masing-masing membawa no. rujukan MK/SC97/1108 hingga MK/SC97/1110 dan MK/SC97/1111.

Laporan-laporan penilaian ini telah disediakan selaras dengan syarat-syarat yang dibentang dalam Garis Panduan mengenai Penilaian Aset bagi pengemukaan kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Piawai Penilaian Malaysia sebagaimana ditetapkan oleh Lembaga Jurunilai, Penilai-penilai dan Ejen-ejen Harta Tanah, Malaysia.

Kami telah menilai harta-harta disenaraikan di bawah bebas daripada bebanan, mengguna Kaedah Perbandingan, Pelaburan dan Kos Penilaian (sebagaimana wajar) dan berpendapat bahawa Nilai Pasaran harta-harta ini adalah seperti berikut:

Harta/ No. Ruj.	Tarikh Penilaian	Pegangan/ Anggaran Usia Bangunan	Keluasan Tanah/ Kawasan Dibina Kasar (Ekar/k.p.s.)	Kegunaan Semasa/ Keterangan	Nilai Pasaran (RM)
<b>Poh Huat Furniture Industries (M) Sdn Bhd</b>					
HS(D) 21326, PTD 1502, Mukim Sg Terap, Daerah Muar, Negeri Johor Bahru MK/SC97/1108	17-06-1999	Pegangan pajak, tamat pada 20-05-2056  3 tahun	2.66  70,176	Perindustrian/ gudang dengan tambahan pejabat dua tingkat dan lain-lain bangunan sampingan	5,070,000
HS(D) 21958, PTD 1531, Mukim Sg. Terap, Daerah Muar, Negeri Johor Bahru MK/SC97/1109	17-06-1999	Pegangan pajak, tamat pada 05-09-2056  3 tahun	2.3646  68,544	Perindustrian/ 2 blok kilang satu tingkat dengan rumah pam	5,340,000
HS(D) 21952 & 21962, PTD 1547 & 48, Mukim Sg. Terap, Daerah Muar, Negeri Johor Bahru MK/SC97/1111	26-07-1999	Pegangan pajak, tamat pada 05-09-2056	4.75	Perindustrian/ tanah perindustrian	2,795,000
HS(D) 21964, PTD 1546, Mukim Sg. Terap, Daerah Muar, Negeri Johor Bahru MK/SC97/1111	17-06-1999	Pegangan pajak, tamat pada 05-09-2056  3 tahun	4.00  125,034	Perindustrian/ kilang satu tingkat dengan pejabat tambahan dua tingkat dan bangunan sampingan	8,930,000
<b>Jumlah:</b>					<b>RM22,135,000</b>

Yang benar  
**COLLIERS JORDAN LEE & JAAFAR (M'CCA) SDN BHD**

**LEE THIAM SING MIS (M)**  
Jurunilai Berdaftar (V-315)

**14.0 LAPORAN AKAUNTAN**  
(Disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus ini)

Tarikh: 14 Februari 2000

LEMBAGA PENGARAH  
Poh Huat Resources Holdings Berhad  
(Dahulunya dikenali sebagai As Singscape Berhad)  
PLO 1 Kawasan Perindustrian Jorak  
84300 Bukit Pasir, Muar, Johor Darul Takzim

Tuan-tuan,

**1. PENGENALAN**

Laporan ini telah disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus yang akan bertarikh 24 Februari 2000 berhubung dengan Terbitan Awam sebanyak 11,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham pada harga terbitan RM1.80 setiap saham biasa dalam Poh Huat Resources Holding Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "Poh Huat" atau "Syarikat") dan penyenaian dan sebut harga bagi keseluruhan modal yang diterbitkan dan dibayar penuh Poh Huat terdiri daripada 46,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham pada Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL").

**2. MAKLUMAT AM**

**2.1 Syarikat**

Syarikat telah diperbadankan di Malaysia pada 15 Ogos 1997 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah nama Singscape Sdn. Bhd.. Syarikat telah ditukar kepada syarikat awam pada 20 Oktober 1997 dan namanya telah ditukar kepada Poh Huat Resources Holdings Berhad pada 15 November 1999.

**2.2 Skim Penyusunan Semula**

Sehubungan dengan dan sebagai bahagian penting daripada penyenaian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham yang diterbitkan dan dibayar penuh Poh Huat pada Papan Kedua BSKL, Kumpulan telah mengambil langkah-langkah penyusunan semula berikut:

- (a) Penilaian semula ke atas harta tanah Poh Huat Furniture Industries (M) Sdn. Bhd. ("Poh Huat Furniture") dan Yee Lu Fah Sdn. Bhd. ("Yee Lu Fah") mengakibatkan lebihan berjumlah RM9,100,364 berdasarkan penilaian dibuat oleh Colliers, Jordan Lee & Jafar (M'cca) Sdn. Bhd., firma jurunilai profesional bebas dalam bulan Jun dan Julai 1999 menggunakan kaedah nilai pasaran terbuka. Lebihan penilaian semula telah dimasukkan ke dalam Akaun Rizab Penilaian Semula bagi syarikat-syarikat berkenan dalam Kumpulan Poh Huat Furniture bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999.
- (b) Penilaian semula oleh Poh Huat Furniture akan pelaburannya dalam anak syarikat milik penuhnya, Yee Lu Fah kepada nilai aset ketara bersih (NTA) pada 31 Oktober 1998 telah diselaraskan untuk lebihan penilaian semula harta tanah Yee Lu Fah. Lebihan penilaian semula berjumlah RM4,442,284 yang timbul akibat daripada penilaian semula telah dimasukkan ke dalam akaun-akaun Poh Huat Furniture.

- (c) Pengambilalihan akan keseluruhan modal saham yang diterbitkan dan dibayar penuh Poh Huat Furniture bagi balasan pembelian sebanyak RM43,114,231 untuk dijelaskan melalui terbitan 34,999,998 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Poh Huat pada harga terbitan lebih kurang RM1.23 setiap saham berdasarkan saksama NTA pada 31 Oktober 1998 Kumpulan Poh Huat Furniture selepas mengambil kira lebih penilaian semula seperti yang telah dijelaskan dalam (a) di atas.
- (d) Terbitan awam 11,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham pada harga terbitan RM1.80 setiap saham untuk tunai.

Skim di atas telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti ("SC") pada 1 Oktober 1999.

### 2.3 Modal Saham

Pada tarikh pemerbadanan, modal saham Syarikat yang dibenarkan ialah RM100,000 terbahagi kepada 100,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Pada 30 November 1999, modal saham dibenarkan telah bertambah daripada RM100,000 kepada RM100,000,000 melalui pembentukan 99,900,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham.

Perubahan dalam modal saham Syarikat yang diterbitkan dan dibayar penuh sejak tarikh pemerbadanannya adalah seperti berikut:

Tarikh peruntukan	Bil. saham biasa	Nilai Tara RM	Balasan	Jumlah terkumpul RM
15.08.1997	2	1.00	Saham-saham pelanggan	2
08.12.1999	34,999,998	1.00	Diterbitkan sebagai balasan bagi pengambilalihan Poh Huat Furniture (Rujuk kepada perenggan 2.2 (c))	
				35,000,000

Modal saham Syarikat yang diterbitkan dan dibayar penuh pada masa ini ialah RM35,000,000 terdiri daripada 35,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Selepas penyelesaian Terbitan Awam selesai dilaksanakan seperti yang diperincikan dalam perenggan 2.2 (d), modal saham yang diterbitkan dan dibayar penuh Poh Huat akan diperbesar kepada RM46,000,000 terdiri daripada 46,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

### 2.4 Kegiatan Utama

Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai syarikat pemegang pelaburan. Kegiatan-kegiatan utama anak-anak syarikat dinyatakan dalam perenggan 2.5.

## 2.5 Anak-anak Syarikat

Butir-butir anak syarikat diambil alih adalah seperti berikut:

<u>Nama Syarikat</u>	<u>Tarikh dan tempat diperbadankan</u>	<u>Modal saham dibenarkan</u>	<u>Modal saham diterbitkan dan berbayar RM</u>	<u>Kepentingan ekuiti dipegang</u>	<u>Kegiatan Utama</u>
Poh Huat Furniture Industries (M) Sdn. Bhd.	10 Jun 1992 Malaysia	10,000,000	6,150,000	100%	Perkilangan dan jualan perbot
Anak syarikat Poh Huat Furniture:-					
Yee Lu Fah Sdn. Bhd.	16 Disember 1991 Malaysia	500,000	265,000	100%	Pengedar dalam syarikat perabot dan pemegangan pelaburan

## 3. JURUAUDIT

Kami telah dilantik sebagai juruaudit bagi Syarikat sejak tarikh pemerbadanannya dan akaun-akaun telah dilaporkan tanpa sebarang kelayakan.

Akaun-akaun Poh Huat Furniture bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1995 hingga 1999 telah diaudit dan dilaporkan oleh kami tanpa sebarang kelayakan. Akaun-akaun bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1994 telah diaudit oleh firma juruaudit yang lain. Juruaudit telah melaporkan kelayakan untuk akaun-akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1994 bahawa Syarikat tidak menyimpan rekod-rekod stok berterusan dan stok pada 31 Oktober 1994 adalah berdasarkan kepada angka-angka yang diberikan oleh pengarah-pengarah Syarikat. Juruaudit-juruaudit selanjutnya menyatakan bahawa mereka tidak dapat untuk memuaskan hati mereka mengenai nilai stok melalui prosedur-prosedur audit lain. Walau bagaimanapun, selepas penyelesaian audit tersebut, juruaudit telah mengeluarkan satu surat memberitahu pengarah-pengarah Syarikat bahawa terdapat rekod sebenar stok berterusan disimpan oleh Syarikat dan selepas audit ke atas rekod-rekod tersebut mereka telah berpuas hati bahawa rekod-rekod menyamai dengan angka-angka seperti yang tercatat dalam akaun-akaun teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1994.

Akaun-akaun Yee Lu Fah bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Mei 1993 hingga 1996, tempoh 17 bulan berakhir 31 Oktober 1997, tahun-tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1998 dan 1999 telah diaudit dan dilaporkan oleh kami tanpa sebarang kelayakan.

#### 4. RINGKASAN KEPUTUSAN

##### 4.1 KUMPULAN POH HUAT – Proforma Keputusan Disatukan

Ringkasan proforma keputusan disatukan Kumpulan Poh Huat bagi lima tahun berakhir 31 Oktober 1995 hingga 1999 dibentangkan di bawah telah disediakan berdasarkan akaun-akaun teraudit anak-anak syarikat selepas membuat pelarasan yang kami anggap sebagai wajar dan di atas andaian bahawa pengambilalihan telah berkuatkuasa sepanjang tahun-tahun kewangan di bawah kajian. Keputusan-keputusan Poh Huat tidak dimasukkan kerana ia telah lengai sejak tarikh pemerbadanannya. Proforma keputusan-keputusan Kumpulan telah disediakan untuk tujuan gambaran semata-mata dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota mengiringinya:

	← Tahun Kewangan Berakhir 30 April →				
	<u>1995</u>	<u>1996</u>	<u>1997</u>	<u>1998</u>	<u>1999</u>
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah dagangan	20,095	46,111	80,472	72,767	91,578
Keuntungan sebelum susutnilai dan faedah	2,976	9,065	17,358	18,206	16,915
Susutnilai	(586)	(1,343)	(1,896)	(2,405)	(2,991)
Pendapatan faedah	13	7	8	7	10
Perbelanjaan faedah	(403)	(1,259)	(2,142)	(2,307)	(2,044)
Keuntungan sebelum cukai	2,000	6,470	13,346	13,501	11,890
Bahagian daripada keuntungan syarikat bersekutu	-	-	4	-	-
Cukai	(4)	(1,137)	(2,866)	(766)	(3)
Keuntungan selepas cukai	1,996	5,333	10,484	12,735	11,887
Bilangan saham biasa diandaikan dalam terbitan ('000)	35,000	35,000	35,000	35,000	35,000
Perolehan kasar setiap saham (sen)	5.71	18.49	38.14	38.57	33.97
Perolehan bersih setiap saham (sen)	5.70	15.24	29.95	36.39	33.96

**Nota-nota kepada Proforma Keputusan Disatukan**

- (a) Keputusan-keputusan bagi Lee Lu Fah bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Mei 1995, 1996 dan tempoh 17 bulan berakhir 31 Oktober 1997 telah diagih mengikut masa untuk berakhir bersama dengan akhir tahun kewangan Kumpulan Poh Huat.
- (b) Jumlah dagangan telah bertambah dengan banyaknya bagi tahun-tahun kewangan 1995 hingga 1997 sejajar dengan permintaan yang meningkat terhadap perabot pejabat dalam kedua-dua pasaran dalam negeri dan eksport. Pertambahan dalam keuntungan sebelum cukai bagi tahun-tahun kewangan 1995 hingga 1997 disebabkan terutamanya kerana pengurangan dalam kos-kos bahan, kecekapan pengeluaran yang bertambah baik dan ekonomi bidangan dicapai melalui pengembangan dalam operasi Kumpulan dan peningkatan dalam keupayaan pengeluaran. Kemerosotan dalam jumlah dagangan bagi tahun kewangan 1998 adalah akibat daripada kejatuhan besar dalam jualan dalam negeri sejajar dengan penguncupan keseluruhan ekonomi tempatan. Di sebalik kemerosotan, keuntungan sebelum cukai dikekalkan terutamanya boleh dikaitkan kepada jualan keluaran berharga tinggi dan keluaran mengikut tempahan yang mempunyai harga lebih baik, penjimatan ke atas kos bahan mentah timbul daripada diskaun tunai diberi oleh pembekal-pembekal bagi belian tunai, langkah-langkah pengurangan kos dan kecekapan dalam pengeluaran yang bertambah baik. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999 jumlah dagangan bertambah dengan banyaknya akibat daripada peningkatan daripada pasaran dalam negeri dan eksport berikutan pemulihan ekonomi di Malaysia dan di Asia serta peningkatan dalam permintaan dari pasaran USA dan Eropah. Walau bagaimanapun keuntungan sebelum cukai adalah lebih rendah akibat daripada tempoh gestasi permulaan yang lebih panjang daripada yang diramalkan bagi kilang baru di Lot PTD 1457 & 1458, Kawasan Perindustrian Bukit Pasir.
- (c) Tidak ada perkara luar biasa dan terkecuali sepanjang tahun-tahun di bawah kajian.
- (d) Proforma keputusan disatukan dan indeks bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1995 hingga 1999 telah diselaraskan bagi terkurang dan terlebih peruntukan cukai yang dianggap material dan ditunjukkan dalam akaun-akaun Kumpulan Poh Huat dalam tahun-tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1995 hingga 1999.

	← Tahun Kewangan Berakhir 30 Oktober →				
	<u>1995</u>	<u>1996</u>	<u>1997</u>	<u>1998</u>	<u>1999</u>
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Cukai (mengikut akaun-akaun teraudit)	(51)	915	2,963	1,103	(69)
Pelarasan	55	222	(97)	(337)	72
Seperti dicatatkan semula	4	1,137	2,866	766	3

- (e) Kadar cukai berkesan yang lebih rendah berbanding dengan kadar berkanun bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1995 hingga 1998 adalah terutamanya akibat daripada pelepasan daripada kerugian cukai tak diserap, elaun bangunan perindustrian, elaun modal tak diguna dan elaun pelaburan semula.

Tiada peruntukan bagi cukai telah dibuat bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999 disebabkan pendapatan yang diperolehi dalam 1999 harus dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan pengecualian yang diberi di bawah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999.

- (f) Perolehan kasar setiap saham telah dikira berdasarkan keuntungan sebelum cukai yang dibahagikan dengan 35,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham diandaikan dalam terbitan sepanjang tahun-tahun kewangan di bawah kajian.
- (g) Perolehan bersih setiap saham telah dikira atas dasar yang sama dengan (f) di atas tetapi berdasarkan keuntungan selepas cukai.

#### **4.2 Poh Huat**

Tidak ada akaun untung rugi telah disediakan disebabkan Syarikat belum memulakan operasinya sejak diperbadankan pada 15 Ogos 1997. Semua perbelanjaan yang wujud bagi pemerbadanan Syarikat dan yang ditanggung sebelum permulaan perniagaan telah ditundakan.



### 4.3 Kumpulan Poh Huat Furniture

Jadual berikut membentangkan ringkasan keputusan Kumpulan Poh Huat Furniture disediakan berdasarkan akaun-akaun teraudit bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Oktober 1995 hingga 31 Oktober 1999.

	← Tahun Kewangan Berakhir 31 Oktober →				
	<u>1995</u>	<u>1996</u>	<u>1997</u>	<u>1998</u>	<u>1999</u>
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah dagangan	20,095	45,538	80,472	72,767	91,578
Keuntungan sebelum susutnilai dan faedah	2,982	8,785	17,358	18,206	16,915
Susutnilai	(586)	(1,343)	(1,896)	(2,405)	(2,991)
Pendapatan faedah	13	7	8	7	10
Perbelanjaan faedah	(403)	(1,259)	(2,142)	(2,307)	(2,044)
Keuntungan sebelum cukai	2,006	6,190	13,346	13,501	11,890
Bahagian daripada keuntungan syarikat bersekutu ('000)	-	-	-	-	-
Cukai	(4)	(1,137)	(2,866)	(766)	(3)
Keuntungan selepas cukai	2,002	5,053	10,484	12,735	11,887
Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan ('000)	1,785	3,180	4,465	6,150	6,150
Perolehan kasar setiap saham(RM) saham (RM)	1.12	1.95	2.99	2.20	1.93
Perolehan bersih setiap saham (RM)	1.12	1.59	2.35	2.07	1.93

**Nota:**

- (a) Tidak ada perkara luar biasa sepanjang tahun-tahun di bawah kajian.
- (b) Tidak ada akaun Kumpulan disediakan bagi tahun kewangan 1995 memandangkan Poh Huat Furniture hanya mengambilalih Yee Lu Fah dalam tahun kewangan 1996 dan menyediakan akaun Kumpulan mulai tahun tersebut.
- (c) Cukai telah diselaraskan untuk menunjuk terkurang/terlebih peruntukan dalam tahun-tahun kewangan masing-masing seperti berikut:

	← Tahun Kewangan Berakhir 30 Oktober →				
	<u>1995</u>	<u>1996</u>	<u>1997</u>	<u>1998</u>	<u>1999</u>
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Cukai (mengikut akaun- akaun teraudit)	(51)	915	2,963	1,103	(69)
Pelarasan	55	222	(97)	(337)	72
Seperti dicatatkan semula	4	1,137	2,886	766	3

- (d) Kadar cukai berkesan yang lebih rendah berbanding dengan kadar berkanun bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1995 hingga 1998 adalah terutamanya akibat daripada pelepasan daripada kerugian cukai tak diserap, elaun banguna perindustrian, elaun modal tak diguna dan elaun pelaburan semula.

Tiada peruntukan bagi cukai telah dibuat bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999 disebabkan pendapatan yang diperolehi dalam 1999 harus dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan pengecualian yang diberi di bawah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999.

- (e) Perolehan kasar setiap saham telah dikira berdasarkan keuntungan sebelum cukai yang dibahagikan dengan 35,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham diandaikan dalam terbitan sepanjang tahun-tahun kewangan di bawah kajian.
- (f) Perolehan bersih setiap saham telah dikira atas dasar yang sama dengan (e) di atas tetapi berdasarkan keuntungan selepas cukai.

## 5. DIVIDEN

### 5.1 Poh Huat

Poh Huat tidak membayar atau mengisytiharkan apa-apa dividen sejak diperbadankan pada 15 Ogos 1997.

### 5.2 Anak Syarikat

Tidak ada dividen yang telah dibayar oleh Yee Lu Fah berhubung dengan tahun-tahun/tempoh kewangan di bawah kajian. Butir-butir mengenai dividen yang dibayar dan disytiharkan oleh Poh Huat Furniture berhubung dengan tahun-tahun kewangan di bawah kajian adalah seperti berikut:

<u>Tahun kewangan berakhir</u>	<u>Bil. saham biasa layak bagi dividen</u>	<u>Kadar dividen kasar setiap saham %</u>	<u>Dividen bersih RM</u>	<u>Jenis dividen RM</u>
31 Oktober 1998	6,150,000	30%	1,845,000	Pertama & Akhir (dikecuali cukai)
31 Oktober 1999	6,150,000	25%	1,537,500	Interim (dikecuali cukai)
31 Oktober 1999	6,150,000	100%	*6,150,000	Khas (dikecuali cukai)

\* Diisytiharkan tetapi tidak dibayar

## 6. RINGKASAN KUNCI KIRA-KIRA

Kunci kira-kira teraudit syarikat dan Kumpulan Poh Huat Furniture telah diringkaskan seperti berikut:

### 6.1 Poh Huat

	<u>Pada 31 Oktober 1998 RM</u>	<u>Pada 31 Oktober 1999 RM</u>
Aset semasa	2	2
Liabiliti semasa	218,466	301,327
Liabiliti semasa bersih	(218,464)	(301,325)
Perbelanjaan dibawa ke hadapan	218,466	301,327
	2	2
Dibiayai oleh:		
Modal saham	2	2
Liabiliti ketara bersih setiap saham	(109,232)	(150,663)

Syarikat telah diperbadankan pada 15 Ogos 1997 dan akaun-akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober merupakan akaun-akaun yang pertama sejak diperbadankan.

## 6.2 Kumpulan Poh Huat Furniture

	←----Tahun kewangan berakhir 31 Oktober----→					
	1994	1995	1996	1997	1998	1999
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset tetap	2,796	12,255	17,355	25,398	39,777	49,043
Pelaburan	-	-	-	26	26	26
Harta pelaburan	-	-	4,462	4,462	-	-
Aset tak ketara	2	1	765	732	701	669
Aset semasa	4,707	10,780	19,941	26,267	27,077	48,422
Liabiliti semasa	(5,514)	(13,006)	(21,470)	(21,410)	(24,756)	(39,880)
Aset/ (liabiliti) semasa bersih	(807)	(2,226)	(1,529)	4,857	2,321	8,542
	1,991	10,030	21,053	35,475	42,825	58,280
Dibiayai oleh:						
Modal Saham	400	2,800	4,100	6,150	6,150	6,150
Rizab penilaian semula	-	-	-	-	-	9,100
Keuntungan tertahan	742	2,348	7,624	18,011	28,565	32,836
Dana pemegang saham	1,142	5,148	11,724	24,161	34,715	48,086
Liabiliti jangka panjang	798	4,882	8,648	10,484	7,280	9,364
Cukai tertunda	51	-	681	830	830	830
	1,991	10,030	21,053	35,475	42,825	58,280
Aset ketara bersih setiap saham (RM)	2.85	1.84	2.67	3.81	5.53	7.71

7. **PENYATA ASET DAN LIABILITI**

Berikut adalah penyata aset dan liabiliti Syarikat dan Proforma Kumpulan pada 31 Oktober 1999 berdasarkan akaun-akaun teraudit Syarikat, Poh Huat Furniture dan Yee Lu Fah, dan hendaklah dibaca seiringan dengan nota-nota dibentangkan di bawah. Penyata aset dan liabiliti Proforma Kumpulan telah disediakan bagi tujuan gambaran semata-mata dengan menggabungkan kesan-kesan pengambilalihan Poh Huat Furniture dan terbitan awam seolah-olah ia telah dikuatkuasakan pada 31 Oktober 1999.

	<u>Nota</u>	<u>Syarikat</u> RM'000	<u>Proforma</u> <u>Kumpulan</u> RM'000
Aset Semasa	8.3	-	49,043
Aset tak ketara	8.4	-	669
Pelaburan	8.5	-	26
Perbelanjaan tertunda	8.6	301	9
Stok	8.7	-	20,346
Penhutang perdagangan		-	16,788
Lain-lain penghutang, deposit dan pra pembayaran			615
Deposit tetap bank berlesen	8.8	-	103
Tunai dan baki bank		-	29,069
		-	66,921
Liabiliti semasa			
Penghutang dagangan		-	9,239
Lain-lain penghutang dan terakru		301	8,925
Penghutang sewa beli	8.9	-	875
Pinjaman bank jangka pendek	8.10	-	14,597
Peruntukan untuk cukai		-	102
Dividen dicadangkan		-	6,150
		301	39,888
Aset/(liabiliti) Semasa Bersih		(301)	27,033
		-	<u>76,780</u>

	<u>Nota</u>	<u>Syarikat</u> RM'000	<u>Proforma</u> <u>Kumpulan</u> RM'000
Dibiayai oleh:			
Modal saham	8.11	*	46,000
Premium saham	8.12	-	7,500
Rizab	8.13	-	13,086
Dana pemegang saham		-	66,586
Liabiliti jangka panjang	8.14	-	9,364
Cukai tertunda	8.15	-	830
		-	76,780
Aset Ketara Bersih Setiap Saham	8.16	-	1.43

\* Modal saham yang diterbitkan dan berbayar penuh terdiri daripada 2 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

## 8. NOTA-NOTA KEPADA PENYATA ASET DAN LIABILITI

### 8.1 Asas Penyediaan – Penyata Aset dan Liabiliti Proforma Kumpulan

- (i) Penyata aset dan liabiliti Proforma Kumpulan telah disediakan berdasarkan akaun-akaun teraudit Syarikat dan Kumpulan Poh Huat Furniture yang disediakan sehingga 31 Oktober 1999.
- (ii) Penyata aset dan Liabiliti Proforma Kumpulan adalah berdasarkan asas penyatuan perakaunan selaras dengan peruntukan-peruntukan Piawai Perakuan Malaysia No. 2.

### 8.2 POLISI-POLISI PERAKAUNAN BERKAITAN

#### (a) **Asas Perakaunan**

Akaun-akaun Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah diubahsuai melalui penilaian semula tanah dan bangunan-bangunan dan mematuhi piawai perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

#### (b) **Asas Penyatuan**

Akaun-akaun disatukan menggabungkan akaun-akaun teraudit Syarikat dan kesemua anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Urusniaga dan baki antara syarikat di hapus kira atas penyatuan dan akaun disatukan menggambarkan urusniaga luaran sahaja.

Akaun-akaun Lee Yu Fah disatukan dalam Kumpulan Poh Huat Furniture menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan. Lebih bersih kos pelaburan Poh Huat Furniture dalam Yee Lu Fah ke atas nilai aset-aset bersih yang diperolehi pada tarikh pengambilalihan dikekalkan dalam kunci kira-kira disatukan sebagai muhibah atas penyatuan. Jumlah yang ditahan itu dihapus kira selama tempoh 25 tahun bermula pada 1996.

#### (c) **Aset-aset Tetap dan Susutnilai**

Aset-aset tetap dinyatakan pada kos atau penilaian tolak susutnilai terkumpul. Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan sementara tanah pegangan pajak dilunaskan ke atas tempoh pajakan selebihnya. Aset-aset tetap lain disusutnilai atas dasar garisan lurus untuk menghapus kira kos atau penilaian aset-aset tersebut ke atas anggaran jangka hayat bergunanya. Kadar tahunan utama bagi susutnilai yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan	2%
Loji dan mesin	10%
Ubahsuaian, peralatan pejabat, perabot dan lekapan	2% - 10%
Kenderaan bermotor dan forklif	20%

Lebih bersih yang timbul akibat daripada penggabungan penilaian-penilaian harta dalam akaun-akaun telah dibawa dalam rizab penilaian semula.

**(d) Pelaburan**

Pelaburan dipegang atas dasar jangka panjang telah dinyatakan pada kos kecuali pada pendapat para pengarah terdapat pengurangan kekal dalam nilai, dalam hal mana peruntukan sewajarnya dibuat.

**(e) Stok**

Stok dinyatakan pada kos dan nilai bersih diperoleh yang mana lebih rendah. Kos-kos termasuk kos bahan, buruh langsung dan perkadaran overhead pengeluaran yang sewajarnya.

**(f) Pertukaran dan Terjemahan Mata Wang Asing**

Urusniaga dalam mata wang asing diukur dan dicatatkan dalam Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar pertukaran yang serupa dengan kadar yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga atau pada kadar dikontrakkan di mana terpakai. Aset-aset dan liabiliti-liabiliti dalam bentuk wang didenominasikan dalam mata wang asing diselaraskan untuk menunjukkan kadar pada tarikh kunci kira-kira atau pada tukaran hadapan kadar dikontrakkan, di mana terpakai. Semua untung rugi perlarasan tukaran yang diperoleh dan tidak diperoleh dibawa ke akaun untung rugi.

**(g) Cukai Tertunda**

Peruntukan bagi cukai tertunda diperuntukkan di bawah kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan pemasaan material di antara pendapatan perakaunan dan pendapatan boleh dicukai kecuali di mana terdapat bukti munasabah bahawa perbezaan pemasaan ini tidak akan diterbalikkan pada masa hadapan dalam jangkaan. Di mana perbezaan pemasaan tertentu telah menimbulkan faedah cukai tertunda bersih faedah-faedah ini diiktiraf hanya atas realisasi sebenar.

**(h) Perbelanjaan Tertunda**

Perbelanjaan tertunda terdiri daripada perbelanjaan awal, prakendalian dan perbelanjaan penyenaian. Perbelanjaan awal dan perbelanjaan prakendalian akan dihapus kira terhadap akaun untung rugi selepas permulaan operasi sementara perbelanjaan penyenaian akan dihapus kira terhadap akaun premium saham masa hadapan.



8.3 **Aset Tetap**

	<b><u>Tanah pegangan pajak dan bangunan</u></b> RM'000	<b><u>Perkakas &amp; peralatan, loji dan mesin</u></b> RM'000	<b><u>Ubahsuaian, kelengkapan pejabat, perabot dan peralatan</u></b> RM'000	<b><u>Kenderaan bermotor dan forklif</u></b> RM'000	<b><u>Jumlah</u></b> RM'000
<b><u>Pada Kos/ Penilaian</u></b>					
Tambahan melalui Pengambilalihan anak syarikat	26,177	26,999	1,596	2,627	57,399
Pada 31 Oktober	26,177	26,999	1,596	2,627	57,399
<b><u>Susutnilai Berkumpul:</u></b>					
Tambahan melalui Pengambilalihan anak syarikat	43	6,242	423	1,648	8,356
Pada 31 Oktober	43	6,242	423	1,648	8,356
Nilai buku bersih pada 31 Oktober	26,134	20,757	1,173	979	49,043

**Analisis Tanah dan Bangunan**

	<b><u>Tanah pegangan pajak</u></b> RM'000	<b><u>Bangunan</u></b> RM'000	<b><u>Jumlah</u></b> RM'000
<b><u>Pada Kos/ Penilaian</u></b>			
Tambahan melalui pengambilalihan anak syarikat	8,637	17,540	26,177
Pada 31 Oktober	8,637	17,540	26,177
<b><u>Susutnilai Berkumpul:</u></b>			
Tambahan melalui pengambilalihan anak syarikat	-	-	-
Pada 31 Oktober	-	-	-
Nilai buku bersih pada 31 Oktober	8,637	17,540	26,177

Mesin-mesin dan forklif tertentu berjumlah RM16,374,178 pada kos dan semua tanah pegangan pajak & bangunan Kumpulan disandarkan kepada bank-bank bagi pinjaman bank yang diberikan kepada anak-anak syarikat.

Tanah pegangan pajak dan & bangunan dinyatakan pada penilaian telah dinilai semula oleh Pengarah-pengarah anak-anak syarikat berdasarkan penilaian profesional bebas pada Jun dan Julai 1999 menggunakan kaedah nilai pasaran terbuka.

Aset tetap diperolehi di bawah perjanjian sewa beli

	<b>Proforma Kumpulan RM'000</b>
<u>Pada Kos</u>	
Loji dan mesin	3,357
Peralatan pejabat	64
Kenderaan bermotor dan forklif	1,503
	<hr/>
	4,924
	<hr/>

#### 8.4 Aset Tak Ketara

	<b>Proforma Kumpulan RM'000</b>
Muhibah atas penyatuan	796
Tolak : Pelunasan terkumpul	(127)
	<hr/>
	669
	<hr/>

Muhibah atas penyatuan timbul daripada pengambilalihan Yee Lu Fah oleh Poh Huat Furniture telah dilunaskan ke atas tempoh 25 tahun bermula dalam tahun kewangan 1996.

#### 8.5 Pelaburan

	<b>Proforma Kumpulan RM'000</b>
Saham tidak disebut harga	26
	<hr/>

**8.6 Perbelanjaan Tertunda**

	<u>Syarikat</u> RM'000	<u>Proforma</u> <u>Kumpulan</u> RM'000
Perbelanjaan awal dan prakendalian	9	9
Perbelanjaan penyenaiaan	292	-
	<u>301</u>	<u>9</u>

**8.7 Stok**

	<u>Proforma</u> <u>Kumpulan</u> RM'000
Bahan mentah	11,308
Kerja dalam progres	3,681
Barangan siap	5,290
Bahan pembungkusan	67
	<u>20,346</u>

**8.8 Deposit Tetap Bank Berlesen**

Deposit tetap Kumpulan disandarkan kepada sebuah bank terhadap kemudahan jaminan bank diberi kepada sebuah anak syarikat

**8.9 Pemiutang Sewa Beli**

	<u>Proforma</u> <u>Kumpulan</u> RM'000
Jumlah obligasi sewa beli	1,329
Tolak : Faedah dalam pergantungan	(252)
Bahagian pokok sewa beli	<u>1,007</u>
Perlu dibayar balik dalam tempoh dua belas bulan	875
Perlu dibayar balik selepas dua belas bulan (Rujuk Nota 8.14)	202
	<u>1,077</u>

**8.10 Pinjaman Bank (dicagar)**

	<b>Proforma Kumpulan RM'000</b>
Penerimaan jurubank	10,975
Bil-bil perlu dibayar	1,735
Pinjaman berjangka (bahagian semasa)	<u>1,887</u>
Jumlah pinjaman bank jangka pendek	14,597
Pinjaman berjangka (bahagian jangka panjang) (Rujuk Nota 8.14)	9,162
Jumlah pinjaman bank	<u><u>23,759</u></u>

Pinjaman bank dicagar melalui :

- (i) Gadaian undang-undang pertama ke atas tanah pegangan pajak dan bangunan kilang anak-anak syarikat.
- (ii) Gadaian tetap ke atas mesin-mesin tertentu dan forklif sebuah anak syarikat; dan
- (iii) Debentur "kesemua wang" ke atas aset tetap dan terapung sebuah anak syarikat.

Faedah dikenakan di antara 1.00% dan 1.50% setahun di atas kadar pemberian pinjaman asas bank masing-masing.

**8.11 Modal Saham**

	<b>Proforma Kumpulan RM'000</b>
Saham biasa bernilai RM1.00	
Dibenarkan :	<u>100,000</u>
Diterbitkan dan berbayar penuh :	
- Diterbitkan sebagai balasan bagi pengambilalihan Poh Huat Furniture	35,000
- Terbitan awam	11,000
	<u><u>46,000</u></u>

**8.12 Premium Saham**

	<b>Proforma Kumpulan RM'000</b>
Terbitan awam 11,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham pada harga terbitan RM1.80 setiap saham	8,800
Tolak : Perbelanjaan penyenaian	(1,300)
	<u><u>7,500</u></u>

**8.13 Rizab**

	<b>Proforma Kumpulan RM'000</b>
Rizab boleh diagih :	
- Keuntungan tertahan	32,836
Rizab tak boleh diagih :	
- Rizab penilaian semula	9,100
- Rizab Percantuman/(Kontra)	<u>(28,850)</u>
	<u>13,086</u>

Tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Poh Huat Furniture dan Yee Lu Fah mempunyai kredit cukai yang mencukupi di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan 1967 dan pendapatan dikecualikan cukai untuk membayar dividen daripada keseluruhan keuntungan tertahan mereka tanpa menanggung liabiliti cukai tambahan.

**8.14 Liabiliti Jangka Panjang**

	<b>Proforma Kumpulan RM'000</b>
Pinjaman berjangka (bercagar) (Rujuk Nota 8.10)	9,162
Pemiutang sewa beli (Rujuk Not 8.9)	202
	<u>9,364</u>

**8.15 Cukai Tertunda**

Cukai tertunda bagi Kumpulan berkait terutamanya kepada perbezaan pemasaan timbul daripada caj susutnilai aset tetap dan elaun modal yang dituntut.

Potensi liabiliti cukai tertunda dianggarkan sebanyak RM1.45 juta tidak diperuntukkan memandangkan ianya diramalkan bahawa kesan cukai penundaan sedemikian akan berterusan pada masa depan dalam jangkaan.

Tiada cukai tertunda diperuntukkan ke atas lebihan timbul daripada penilaian semula tanah dan bangunan pegangan pajak yang dipegang untuk tujuan jangka panjang.

**8.16 Aset Ketara Bersih Setiap Saham Biasa**

Berdasarkan Proforma penyata aset dan liabiliti Kumpulan Poh Huat pada 31 Oktober 1999 lindungan aset ketara bersih setiap saham (selepas pengambilalihan terbitan awam dikira seperti berikut) :

	<b>Proforma Kumpulan RM'000</b>
Aset ketara bersih mengikut Proforma Penyata Aset dan Liabiliti pada 31 Oktober 1999.	65,908
Bilangan saham biasa dalam terbitan berdasarkan cadangan modal saham diperbesarkan	46,000
Aset Ketara Bersih setiap saham	<u>1.43</u>

**9. AKAUN**

Tidak ada akaun teraudit telah disediakan berhubung dengan mana-mana tempoh selepas 31 Oktober 1999.

Yang benar

.....  
S. C. LIM & CO.,  
No. AF0681  
AKAUNTAN AWAM

.....  
LIM SWEE CHONG  
No. 1177/12/00 (J)  
Rakan Firma

## 15.0 MAKLUMAT BERKANUN DAN AM

### 15.1 Modal Saham

1. Tidak ada saham akan diperuntukkan atas dasar yang dinyatakan dalam Prospektus ini lewat dari 6 bulan selepas tarikh Prospektus ini diterbitkan.
2. Tidak ada saham pengasas, pengurusan atau tertunda dalam Syarikat. Hanya terdapat satu kelas saham dalam Syarikat, iaitu saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, yang kesemuanya bertaraf pari passu di antara satu sama lain.
3. Kecuali bagi 1,800,000 Saham Terbitan Awam dalam Poh Huat yang dirizabkan untuk langganan oleh kakitangan Kumpulan yang layak dan orang-orang yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan, tidak ada orang yang telah atau berhak untuk diberi opsyen untuk melanggan bagi mana-mana saham, stok atau debentur Syarikat atau anak-anak syarikatnya.
4. Kecuali sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 8.0 Prospektus ini, tidak ada saham atau debentur Syarikat atau anak-anak syarikatnya telah diterbitkan atau dicadang untuk diterbitkan sebagai berbayar sebahagian atau sepenuhnya secara tunai atau sebaliknya selain daripada tunai dalam tempoh 2 tahun sebelum tarikh Prospektus ini.
5. Kecuali sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 7.0 Prospektus ini, tidak ada sekatan ke atas pemindahan sekuriti-sekuriti Syarikat, kecuali sebaliknya diperlukan oleh undang-undang.

### 15.2 Tataurusan Pertubuhan

Peruntukan-peruntukan dikeluarkan semula daripada Tataurusan Pertubuhan Syarikat yang telah diluluskan oleh BSKL.

#### (1) Imbuan para Pengarah

##### Artikel 90

Para Pengarah hendaklah dibayar melalui yuran bagi perkhidmatan mereka, jumlah tetap tertentu (sekiranya ada) sebagaimana mungkin dari masa ditentukan oleh Syarikat dalam mesyuarat agung dan yuran tertentu hendaklah dibahagikan sesama para Pengarah dalam perkadaran tertentu dan cara sebagaimana para Pengarah mungkin tentukan. DENGAN SYARAT SENTIASA bahawa:-

- (a) yuran perlu dibayar kepada para Pengarah yang tidak memegang jawatan eksekutif dalam Syarikat hendaklah dibayar melalui satu jumlah tetap dan bukan melalui komisyen ke atas atau peratusan daripada keuntungan atau jumlah dagangan.
- (b) gaji dan emolumen lain yang perlu dibayar kepada para Pengarah yang memegang jawatan eksekutif dalam Syarikat selaras dengan kontrak perkhidmatan tidak perlu ditentukan oleh Syarikat dalam mesyuarat agung tetapi gaji dan emolumen tertentu tidak boleh termasuk komisyen ke atas atau peatusan jumlah dagangan.
- (c) yuran perlu dibayar kepada para Pengarah tidak boleh ditambah melainkan selaras dengan resolusi yang diluluskan pada mesyuarat agung di mana notis cadangan tambahan telah diberi dalam notis untuk mengadakan mesyuarat.
- (d) apa-apa yuran yang dibayar kepada seorang Pengarah silih ganti hendaklah sebagaimana yang dipersetujui di antara beliau sendiri dengan Pengarah yang mencalonkan beliau dan hendaklah dibayar daripada imbuan Pengarah tersebut.

#### **Artikel 91**

- (1) Para Pengarah hendaklah dibayar semua perbelanjaan perjalanan mereka dan perbelanjaan lain yang dibelanjakan oleh mereka dengan sewajarnya dalam dan berhubung dengan Syarikat termasuk perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh mereka dalam menghadiri mesyuarat-mesyuarat para Pengarah atau mana-mana jawatankuasa para Pengarah Syarikat.
- (2) Sekiranya mana-mana Pengarah yang bersedia dipanggil untuk melaksanakan khidmat-khidmat khas atau untuk membuat apa-apa usaha khas dalam pergi atau menetap jauh daripada tempat perniagaan atau kediaman biasanya untuk apa-apa tujuan Syarikat atau dalam memberi perhatian khas kepada perniagaan Syarikat sebagai ahli Jawatankuasa para Pengarah, Syarikat boleh memberi imbuhan kepada Pengarah yang berbuat demikian sama ada melalui satu jumlah tetap atau sebaliknya (selain daripada melalui satu jumlah yang termasuk komisyen ke atas atau peratusan jumlah dagangan) sebagaimana mungkin ditentukan oleh Lembaga dengan syarat bahawa dalam kes Pengarah bukan eksekutif Syarikat, imbuhan tersebut tidak boleh termasuk komisyen ke atas atau peratusan daripada keuntungan atau jumlah dagangan. Dalam kes Pengarah Eksekutif, yuran tersebut boleh sama ada sebagai tambahan kepada atau sebagai menggantikan bahagian beliau atau mereka dalam imbuhan dari masa ke masa yang diperuntukkan bagi para Pengarah.

#### **(2) Kuasa Mengundi dan Meminjan para Pengarah**

Peruntukan-peruntukan dalam Tataurusan Pertubuhan Syarikat dalam berurusan dengan kuasa-kuasa mengundi para Pengarah dalam cadangan, pengaturan atau kontrak dalam mana mereka adalah berkepentingan dan kuasa meminjam yang boleh dilaksanakan oleh mereka dan bagaimana kuasa meminjam tersebut boleh diubah adalah seperti berikut:-

#### **Artikel 93**

Perniagaan Syarikat akan diurus oleh para Pengarah yang boleh membayar semua perbelanjaan yang ditanggung dalam menganjur dan mendaftar Syarikat, dan melaksanakan semua kuasa tertentu Syarikat sebagaimana menurut Artikel ini tidak perlu dilaksanakan oleh Syarikat dalam mesyuarat agung, namun demikian tertakluk kepada mana-mana Tataurusan ini, kepada peruntukan-peruntukan Akta, dan kepada resolusi tertentu, yang tidak selaras dengan Tataurusan ini atau peruntukan Akta sebagaimana mungkin ditetapkan oleh Syarikat dalam mesyuarat agung tetapi tidak ada resolusi yang dibuat oleh Syarikat dalam mesyuarat agung akan menjadikan mana-mana tindakan terdahulu para Pengarah sebagai tidak sah yang sepatutnya sah sekiranya resolusi tersebut tidak dibuat.

#### **Artikel 94**

Para Pengarah tidak boleh tanpa kebenaran terdahulu Syarikat dalam mesyuarat agung: -

- (a) melaksanakan apa-apa cadangan atau melaksanakan apa-apa urusan bagi pengambilalihan, mana-mana usahaniaga atau harta bernilai besar, atau pelupusan bahagian yang besar daripada atau kepentingan mengawal dalam usahaniaga atau harta utama Syarikat;
- (b) melaksanakan apa-apa kuasa Syarikat untuk menerbitkan saham melainkan sebaliknya dibenarkan di bawah Akta;
- (c) tertakluk kepada Seksyen 132E dan 132F Akta, memasuki mana-mana pengaturan atau urusan dengan Pengarah Syarikat atau syarikat pegangannya atau dengan orang yang berkaitan dengan Pengarah tersebut, untuk membeli atau melupuskan kepada Pengarah atau orang tersebut, mana-mana aset bukan tunai bernilai tertentu.



#### **Artikel 95**

- (1) Para Pengarah boleh melaksanakan semua kuasa Syarikat untuk meminjam wang dan untuk menggadai janji atau menggadai usahaniaga, harta atau modal belum dipanggilnya, atau mana-mana bahagian daripadanya dan untuk menerbitkan debentur dan sekuriti-sekuriti lain sama ada secara terus atau sebagai sekuriti bagi mana-mana hutang, liabiliti atau obligasi Syarikat atau mana-mana syarikat berhubung kait sebagaimana ia fikirkan wajar.
- (2) Para Pengarah tidak boleh meminjam apa-apa wang atau menggadai janji atau menggadai mana-mana usahaniaga, harta atau modal belum dipanggil Syarikat atau anak-anak syarikat, atau untuk menerbitkan debentur dan sekuriti-sekuriti lain sama ada secara terus atau sebagai sekuriti bagi mana-mana hutang, liabiliti atau obligasi pihak ketiga yang tidak berkaitan.

#### **Artikel 99**

Semua cek, nota janji hutang, deraf, bil pertukaran dan suratcara boleh niaga yang lain dan semua resit bagi wang yang dibayar kepada Syarikat hendaklah ditandatangani, dikeluarkan, diterima, diendors atau sebagainya disempurnakan, mana-mana yang berkenaan dalam cara tertentu sebagaimana para Pengarah mungkin dari masa ke masa melalui resolusi tentukan.

#### **Artikel 100**

Seorang Pengarah hendaklah pada sepanjang masa bertindak secara jujur dan menggunakan usaha yang munasabah dalam menjalankan kewajipan beliau dan tidak boleh menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi melalui jawatan beliau untuk mendapat kelebihan yang tidak wajar secara langsung atau tidak langsung untuk dirinya sendiri atau bagi mana-mana orang lain atau menyebabkan kemudaratan kepada Syarikat.

#### **Artikel 101**

Setiap Pengarah hendaklah memberi notis kepada Syarikat mengenai peristiwa-peristiwa tertentu dan perkara-perkara berhubung dengan dirinya sendiri sebagaimana mungkin dianggap perlu atau suai manfaat bagi membolehkan Syarikat dan pegawai-pegawainya untuk mematuhi keperluan-keperluan Akta

#### **Artikel 102**

Tertakluk sentiasa kepada Seksyen 131, 132E, 132F dan 132G Akta, seorang Pengarah boleh memegang apa-apa jawatan atau tempat berganjaran di bawah Syarikat (selain jawatan Juruaudit) selaras dengan jawatan Pengarah beliau bagi tempoh tertentu dan di atas terma tertentu (berhubung dengan imbuhan dan sebagainya sebagaimana para pengarah mungkin tentukan dan tidak ada Pengarah atau Pengarah dicadangkan akan menjadi tidak layak oleh jawatannya daripada berkontrak dengan Syarikat sama ada berhubung dengan mana-mana jawatan lain beliau atau jawatan berganjaran tertentu atau sebagai penjual, pembeli atau sebagainya tidak juga mana-mana kontrak tertentu, atau mana-mana kontrak atau pengaturan yang disempurnakan oleh atau bagi pihak Syarikat dalam mana mana-mana Pengarah adalah dalam apa-apa cara berkepentingan, berkebolehan untuk dielakkan, tidak juga mana-mana Pengarah yang berkontrak atau menjadi berkepentingan bertanggungjawab untuk mengakaunkan kepada Syarikat bagi apa-apa keuntungan yang diperolehinya melalui mana-mana kontrak tertentu atau mana-mana pengaturan atas alasan pengarah tersebut memegang jawatan itu atau hubungan fidusiar yang dengan itu diwujudkan.

#### **Artikel 112**

Seorang Pengarah boleh berkontrak dengan dan menjadi berkepentingan dalam mana-mana kontrak atau kontrak dicadangkan dengan Syarikat dan tidak boleh menjadi bertanggungjawab untuk mengakaunkan bagi apa-apa keuntungan yang dibuat oleh beliau atas sebab mana-mana kontrak tersebut; DENGAN SYARAT SENTIASA BAHAWA jenis kepentingan Pengarah dalam mana-mana kontrak tersebut diisytiharkan dalam mesyuarat para Pengarah sebagaimana diperlukan oleh Seksyen 156 Akta. Seorang Pengarah tidak boleh mengundi berhubung dengan mana-mana kontrak atau kontrak dicadangkan atau pengaturan dalam mana beliau mempunyai kepentingan material peribadi secara langsung atau tidak langsung (dan sekiranya beliau mengundi maka undinya tidak akan dikira), tidak juga beliau dikira untuk tujuan mana-mana resolusi berhubung dengan yang sama, dalam korum yang hadir dalam mesyuarat.

#### **Artikel 113**

Seorang Pengarah tanpa mengambilkira kepentingan beliau boleh, dengan syarat bahawa tidak ada para Pengarah lain yang hadir membantah, dikira dalam korum yang hadir dalam mana-mana mesyuarat pada mana beliau atau mana-mana Pengarah lain telah dilantik untuk memegang mana-mana jawatan atau tempat berganjaran di bawah Syarikat atau di mana para Pengarah memutuskan untuk melaksanakan mana-mana hak Syarikat (sama ada melalui pelaksanaan hak-hak mengundi atau sebagainya) untuk melantik atau bersetuju dengan pelantikan seorang Pengarah untuk memegang apa-apa jawatan atau tempat berganjaran di bawah mana-mana syarikat lain, atau di mana apa-apa kebulusan dibuat ke atas mana-mana kontrak atau pengaturan dalam mana beliau dalam apa-apa cara berkepentingan DENGAN SYARAT SENTIASA bahawa beliau telah mematuhi Seksyen 131 dan semua peruntukan lain yang berkenaan Akta dan Tataurusannya ini.

#### **Artikel 114**

Seorang Pengarah boleh mengundi berhubung dengan: -

- (a) apa-apa pengaturan untuk memberikan Pengarah itu sendiri atau mana-mana Pengarah lain apa-apa jaminan atau tanggungan atau berhubung dengan wang yang dipinjamkan oleh beliau kepada atau obligasi yang diambil oleh beliau bagi faedah Syarikat;
  - (b) apa-apa pengaturan untuk diberi oleh Syarikat bagi mana-mana jaminan kepada pihak ketiga berhubung dengan hutang atau obligasi Syarikat untuk mana para Pengarah sendiri atau mana-mana Pengarah lain telah bertanggungjawab secara keseluruhan atau sebahagian, di bawah jaminan atau tanggungan atau melalui deposit sekuriti.
- (3) **Perubahan dalam Modal dan Variasi hak Kelas**

Peruntukan-peruntukan dalam Tataurusannya Pertubuhan Syarikat berhubung dengan perubahan dalam modal dan variasi hak kelas adalah seperti berikut:-

#### **Artikel 3**

Tanpa menjejaskan hak-hak khas yang diberikan terdahulu ke atas pemegang-pemegang mana-mana saham sedia ada tetapi tertakluk kepada Akta dan kepada tataurusannya ini, saham-saham dalam Syarikat boleh diterbitkan oleh para Pengarah dan mana-mana saham sedemikian boleh diterbitkan dengan hak-hak keutamaan, tertunda atau lain-lain hak khas atau sekatan-sekatan tertentu, sama ada berhubung dengan dividen, pengundian, pulangan modal, atau sebagainya sebagaimana para Pengarah tertakluk kepada mana-mana resolusi biasa Syarikat, mungkin tentukan.

#### Artikel 4

Tanpa menjejaskan mana-mana hak khas yang diberikan terdahulu daripada ini ke atas mana-mana saham sedia ada atau kelas saham, dan tertakluk kepada Tataurusan ini dan Akta dan kepada peruntukan-peruntukan mana-mana resolusi Syarikat, saham-saham dalam Syarikat boleh diterbitkan oleh para Pengarah, yang boleh memperuntuk, atau sebaliknya melupuskan saham-saham tersebut kepada orang tertentu, atas terma-terma dan syarat-syarat tertentu dengan hak-hak keutamaan tertentu, tertunda atau hak-hak khas yang lain, dan tertakluk kepada sekatan-sekatan tertentu dan pada masa-masa tertentu sebagaimana para Pengarah mungkin tentukan tetapi para Pengarah dalam membuat apa-apa terbitan saham hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

- (a) tidak ada saham boleh diterbitkan pada diskaun melainkan dalam mematuhi peruntukan-peruntukan Seksyen 59 Akta;
- (b) dalam keadaan saham-saham yang ditawarkan kepada awam untuk langganan jumlah perlu dibayar semasa permohonan ke atas setiap saham tidak boleh kurang daripada lima peratus (5%) daripada jumlah nominal saham tersebut;
- (c) dalam kes saham-saham, selain saham-saham biasa, tidak ada hak-hak khas boleh diberikan sehingga yang sama telah dinyatakan dalam Tataurusan ini dan dalam resolusi membentuk yang sama;
- (d) tidak ada terbitan saham akan dibuat yang akan mempunyai kesan memindah kepentingan mengawal dalam Syarikat kepada mana-mana orang, syarikat atau sindiket tanpa kebenaran terdahulu ahli-ahli Syarikat dalam mesyuarat agung;
- (e) setiap terbitan saham atau opsyen kepada kakitangan dan/atau para Pengarah Syarikat hendaklah diluluskan oleh ahli-ahli dalam mesyuarat agung dan tidak ada Pengarah menyertai terbitan saham atau opsyen sedemikian melainkan:-
  - (i) ahli-ahli dalam mesyuarat agung telah meluluskan peruntukan khusus untuk dibuat oleh Pengarah tersebut; dan
  - (ii) Pengarah tersebut memegang jawatan dalam Syarikat dalam keupayaan eksekutif DENGAN SYARAT SENTIASA bahawa Pengarah yang tidak memegang jawatan dalam mana-mana keupayaan eksekutif boleh menyertai dalam terbitan saham selaras dengan satu terbitan awam atau tawaran awam atau terbitan khas, penyertaan tersebut hendaklah diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

#### Artikel 7

Sekiranya pada bila-bila masa modal saham dibahagikan kepada kelas-kelas saham yang berbeza, hak-hak yang ada pada mana-mana kelas (melainkan sebaliknya diperuntukkan oleh terma-terma terbitan saham kelas tersebut) boleh, sama ada atau tidak Syarikat sedang digulung, dipinda dengan kebenaran secara bertulis pemegang-pemegang tiga perempat daripada saham-saham diterbitkan daripada kelas tersebut, atau dengan sanksi Resolusi Khas yang diluluskan dalam mesyuarat agung yang berasingan bagi pemegang-pemegang saham kelas tersebut. Kepada setiap mesyuarat agung yang berasingan peruntukan-peruntukan Tataurusan ini berhubung dengan mesyuarat-mesyuarat agung hendaklah *mutatis mutandis* terpakai, tetapi agar korum yang diperlukan hendaklah dua orang yang memegang atau mewakili melalui proksi sekurang-kurangnya satu pertiga daripada saham-saham yang diterbitkan bagi kelas tersebut dan bahawa mana-mana pemegang saham kelas tersebut hadir secara sendiri atau melalui proksi boleh meminta undi secara pol. Kepada setiap Resolusi Khas peruntukan-peruntukan Seksyen 152 Akta hendaklah dengan ubah suai yang perlu, terpakai.

#### **Artikel 8**

Hak-hak yang diberikan ke atas pemegang-pemegang saham mana-mana kelas yang diterbitkan dengan hak-jak keutamaan atau hak-hak lain tidak boleh, melainkan sebaliknya diperuntukkan melalui terma-terma terbitan saham kelas tersebut, dianggap sebagai telah dipinda melalui pembentukan atau terbitan saham-saham selanjutnya berhubung dengan penyertaan dalam keuntungan atau aset-aset Syarikat dalam beberapa atau semua hubungan pari passu dengannya..

#### **Artikel 42**

Syarikat boleh melalui resolusi biasa yang diluluskan dalam mesyuarat agung menukar mana-mana saham berbayar kepada stok atau menukar semula mana-mana stok kepada saham-saham berbayar dalam apa-apa denominasi.

#### **Artikel 43**

Pemegang-pemegang stok boleh memindah mana-mana daripadanya dalam cara yang sama, atau mana-mana bahagian daripadanya dalam cara yang sama dan tertakluk kepada yang mana, saham-saham daripada mana stok tersebut timbul mungkin sebelum penukaran telah dipindahkan, atau yang sehampir dengannya yang dibenarkan oleh keadaan; tetapi para Pengarah boleh dari masa ke masa menetapkan jumlah minimum stok yang dipindahkan dan menyekat atau menghalang pemindahan bahagian minimum tersebut, tetapi jumlah minimum tersebut tidak boleh melebihi jumlah nominal saham-saham daripada mana stok tersebut timbul.

#### **Artikel 44**

Pemegang-pemegang stok hendaklah, mengikut jumlah stok yang dipegang oleh mereka, mempunyai hak-hak, keistimewaan dan kelebihan yang sama berhubung dengan dividen, penyertaan dalam aset-aset semasa pembubaran, pengundian pada mesyuarat-mesyuarat Syarikat dan lain-lain perkara, seolah-olah mereka memegang saham-saham daripada mana stok berkenaan timbul, tetapi tiada keistimewaan atau kelebihan sedemikian (kecuali penyertaan dalam dividen dan dalam aset-aset semasa pembubaran) boleh diberi mengikut mana-mana bahagian aliquot stok yang tidak akan sekiranya wujud dalam saham-saham, memberi hak, keistimewaan atau kelebihan.

#### **Artikel 45**

Artikel-artikel Pertubuhan Syarikat sebagaimana terpakai kepada saham berbayar akan terpakai kepada stok dan perkataan-perkataan "saham" and "pemegang saham" di dalamnya akan termasuk "stok" dan "pemegang stok".

#### **Artikel 46**

Syarikat boleh dari masa ke masa, sama ada kesemua saham yang pada masa ini dibenarkan telah diterbitkan atau kesemua saham pada ketika ini diterbitkan telah dibayar penuh atau tidak, melalui resolusi biasa menambah modal sahamnya melalui pembentukan dan terbitan saham-saham baru, modal baru sedemikian hendaklah dalam jumlah tertentu dan untuk dibahagikan kepada saham-saham berjumlah tertentu dan akan membawa hak-hak tertentu dan akan menjadi tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan tertentu berhubung dengan dividen, pulangan modal atau sebagainya, sebagaimana Syarikat melalui resolusi yang membenarkan penambahan tersebut arahkan.

#### **Artikel 47**

Tertakluk kepada mana-mana arahan yang bertentangan yang mungkin diberi oleh Syarikat dalam mesyuarat agung, mana-mana saham asal yang pada masa ini tidak diterbitkan dan tidak diperuntukkan dan mana-mana saham baru yang dari masa ke masa akan dibentuk hendaklah sebelum ia diterbitkan ditawarkan kepada orang-orang yang pada tarikh tawaran adalah berhak untuk menerima notis-notis daripada mesyuarat agung Syarikat dalam perkadaran, sehampir mana yang dibenarkan oleh keadaan, kepada jumlah saham-saham sedia ada kepada mana mereka adalah berhak. Tawaran hendaklah dibuat melalui notis menyatakan bilangan saham yang ditawarkan, dan menghadkan masa dalam mana tawaran, sekiranya tidak diterima, akan dianggap sebagai ditolak, dan selepas tamat masa berkenaan, atau atas penerimaan tanda daripada orang kepada siapa tawaran itu dibuat bahawa beliau menolak untuk menerima saham-saham yang ditawarkan, para Pengarah boleh melupuskan mana-mana saham baru dalam cara tertentu sebagaimana mereka fikirkan paling menguntungkan kepada Syarikat. Para Pengarah boleh juga melupuskan mana-mana saham baru yang (atas alasan nisbah yang ada pada saham-saham baru berkenaan terhadap saham-saham yang dipegang oleh orang yang berhak kepada tawaran saham-saham baru) tidak boleh, pada pendapat para Pengarah, ditawarkan dengan sewenang-wenangnya di bawah Artikel ini.

#### **Artikel 48**

Tanpa mengambil kira Artikel 47 di atas, tetapi tertakluk sentiasa kepada Seksyen 132(D) Akta, Syarikat boleh memohon kepada Bursa di mana Syarikat disenaraikan untuk penepian daripada mengadakan, mesyuarat agung luarbiasa untuk mendapat kelulusan pemegang-pemegang saham untuk terbitan saham selanjutnya (selain terbitan bonus atau hak) di mana terbitan agregat yang dalam mana-mana satu tahun kewangan tidak melebihi sepuluh peratus (10%) modal diterbitkan.

#### **Artikel 49**

Kecuali setakat mana diperuntukkan sebaliknya oleh syarat-syarat terbitan, mana-mana modal yang dikumpul melalui pembentukan saham-saham baru hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada modal saham Syarikat, dan hendaklah menjadi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang sama dengan rujukan kepada bayaran panggilan, lien, pemindahan, pengaliran, perlucutan hak dan sebagainya sebagai modal saham asal.

#### **Artikel 50**

Syarikat boleh melalui resolusi biasa: -

- (a) menambah modal sahamnya melalui jumlah tertentu untuk dibahagikan menjadi saham-saham berjumlah tertentu sebagaimana ditetapkan oleh resolusi;
- (b) menyatu dan membahagi semua atau mana-mana daripada modal sahamnya kepada saham-saham berjumlah lebih besar daripada saham-saham sedia adanya;
- (c) membahagi modal sahamnya atau mana-mana bahagian daripadanya menjadi saham-saham berjumlah lebih kecil daripada yang ditetapkan oleh Memorandum Pertubuhan melalui pecah bahagian saham-saham sedia adanya atau mana-mana daripadanya tertakluk namun demikian kepada peruntukan Akta dan agar di antara saham-saham yang terhasil, satu atau lebih saham boleh, melalui resolusi melalui mana pecah bahagian tersebut dilaksanakan, diberi apa-apa keutamaan atau kelebihan berhubung dengan dividen, pulangan modal, pengundian atau sebagainya mengatasi yang lain atau saham-saham tertentu yang lain; dan
- (d) membatalkan saham-saham yang pada tarikh kelulusan resolusi dalam bahagian tersebut tidak diambil atau bersetuju untuk diambil oleh mana-mana orang atau yang telah dilucut hak dan dikurangkan jumlah modal sahamnya melalui jumlah saham-saham yang dibatalkan.

#### **Artikel 51**

Tertakluk kepada dan selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta dan keperluan-keperluan Bursa serta undang-undang lain yang berkenaan, peraturan dan garis panduan, Syarikat dibenarkan dan akan mempunyai kuasa, sepenuhnya setakat yang dibenarkan, untuk membeli saham-sahamnya sendiri. Mana-mana saham dalam Syarikat yang dibeli oleh Syarikat hendaklah diuruskan sebagaimana diperuntukkan oleh Akta, syarat-syarat Bursa dan mana-mana autoriti yang berkenaan.

#### **Artikel 52**

Syarikat boleh melalui resolusi khas mengurangkan modal sahamnya, mana-mana dana rizab penebusan modal atau mana-mana akaun premium saham dalam apa-apa cara dan dengan, dan tertakluk kepada, apa-apa kuasa, dan kebenaran yang diperlukan oleh undang-undang.

#### **(4) Pemindahan Sekuriti**

Peruntukan-peruntukan dalam Tataurusan Pertubuhan Syarikat berhubung dengan pengaturan bagi pemindahan sekuriti Syarikat dan sekatan-sekatan ke atas kebebasan kebolehpindahannya adalah seperti berikut:-

#### **Artikel 24**

Pemindahan mana-mana sekuriti atau kelas sekuriti Syarikat, hendaklah, melalui cara kemasukan buku oleh Depositori Pusat selaras dengan Peraturan-peraturan dan, tanpa mengambil kira seksyen 103 dan 104 Akta, tetapi tertakluk kepada subseksyen 107C(2) Akta dan mana-mana pengecualian yang mungkin dibuat daripada pematuhan dengan subseksyen 107C(1) Akta, Syarikat hendaklah dihalang daripada mendaftar dan melaksanakan apa-apa pemindahan sekuriti.

#### **Artikel 25**

Pendaftaran pemindahan boleh digantung pada masa tertentu dan bagi tempoh tertentu sebagaimana para Pengarah boleh dari masa ke masa tentukan tidak melebihi dalam keseluruhan, tiga puluh (30) hari dalam mana-mana tahun. Notis lapan belas (18) hari pasaran, atau tempoh lain yang tertentu sebagaimana dari masa ke masa ditetapkan oleh Bursa yang mentadbir Daftar berkenaan, akan niat untuk menutup Daftar hendaklah disiarkan dalam akhbar harian yang diedarkan di Malaysia dan hendaklah juga diberi kepada Bursa. Notis tersebut hendaklah menyatakan tempoh dan tujuan atau tujuan-tujuan untuk yang mana Daftar ditutup. Sekurang-kurang Notis tiga (3) hari pasaran terdahulu hendaklah diberi kepada Depositori Pusat untuk menyediakan Rekod Pendeposit yang sewajarnya.

#### **Artikel 26**

Tertakluk kepada peruntukan Tataurusan ini, para Pengarah boleh mengiktiraf pembatalan mana-mana saham oleh penerima untukan dalam memihak orang yang lain.

#### **Artikel 27**

Di mana melalui pelaksanaan ketekunan yang munasabah Syarikat tidak dapat untuk mengetahui di mana ahli berada dalam tempoh tidak kurang dari sepuluh (10) hari Syarikat boleh menyebabkan satu iklan diedarkan di tempat yang ditunjukkan dalam daftar atau Rekod Pendeposit sebagai alamat ahli dengan menyatakan bahawa Syarikat selepas tamat satu (1) bulan dari tarikh iklan berhasrat untuk memindah saham-saham kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan.

#### **Artikel 28**

Sekiranya selepas tamat satu (1) bulan dari tarikh iklan mengenai alamat Ahli masih tidak diketahui, Syarikat boleh memindah saham-saham yang dipegang oleh Ahli kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan dan untuk tujuan tersebut boleh melaksanakan untuk dan bagi pihak Ahli-ahli tersebut pemindahan saham-saham tersebut Kepada Menteri yang bertanggungjawab untuk kewangan.

#### **Artikel 29**

Dalam kes kematian Ahli, wakil diri simati hendaklah menjadi satu-satunya orang yang diiktiraf oleh Syarikat sebagai mempunyai apa-apa hak kepada kepentingan dalam saham-saham; tetapi tidak ada apa-apa yang terkandung dalam Artikel ini boleh melepaskan harta pusaka pemegang saham simati daripada apa-apa liabiliti berhubung dengan mana-mana saham yang telah dipegang oleh beliau.

#### **Artikel 30**

Mana-mana orang yang menjadi berhak kepada saham akibat daripada kematian atau kebangkrapan ahli boleh, selepas mengemukakan bukti sebagaimana mungkin dari masa ke masa diperlukan secara munasabah diperlukan oleh para Pengarah dan tertakluk sebagaimana diperuntukkan selepas ini, memilih sama ada untuk didaftarkan sebagai pemegang saham atau untuk orang lain yang dipilih oleh beliau didaftarkan sebagai penerima pindahan tersebut, tetapi para Pengarah dalam mana-mana keadaan, mempunyai hak yang sama untuk menolak atau menggantung pendaftaran sebagaimana mereka akan lakukan dalam keadaan pemindahan saham oleh Ahli tersebut sebelum kematian atau kebangkrapannya. Dengan syarat sentiasa bahawa di mana saham adalah Sekuriti Dideposit, tertakluk kepada Peraturan-peraturan, pemindahan atau penarikan balik saham-saham boleh dilaksanakan oleh orang yang menjadi berhak.

#### **Artikel 31**

Sekiranya orang yang menjadi berhak memilih untuk mendaftarkan dirinya sendiri, beliau hendaklah menghantar atau memberikan kepada Syarikat, satu notis bertulis yang ditandatangani oleh beliau menyatakan bahawa beliau memilih sedemikian, dengan syarat bahawa di mana saham adalah Sekuriti Didepositkan dan orang yang menjadi berhak memilih agar saham-saham dipindahkan kepada beliau notis tersebut di atas hendaklah disampaikan ke atas Depositori Pusat. Sekiranya beliau memilih untuk orang lain didaftarkan beliau hendaklah mengesahkan pemilihan beliau dengan menyempurnakan kepada orang tersebut pemindahan saham tersebut. Semua had, sekatan dan peruntukan Tataurusan ini berhubung dengan hak-hak kepada pemindahan dan pendaftaran pemindahan saham-saham akan terpakai kepada mana-mana notis pemindahan tersebut seperti tersebut di atas seolah-olah kematian atau kebangkrapan Ahli tidak berlaku dan notis pemindahan adalah pemindahan yang ditandatangani oleh Ahli tersebut.

#### **Artikel 32**

Di mana pemegang berdaftar mana-mana saham meninggal dunia atau menjadi bankrap wakil peribadi beliau atau penerima serahan hak atau harta pusaka beliau, mengikut mana-mana yang berkenaan hendaklah atas pengemukakan bukti tertentu sebagaimana mungkin dari masa ke masa diperlukan dengan sewajarnya oleh para Pengarah untuk tujuan tersebut, berhak kepada dividen yang sama dan kelebihan-kelebihan yang lain dan hak-hak yang sama (sama ada berhubung dengan mesyuarat-mesyuarat Syarikat atau pengundian atau sebagainya) sebagaimana pemegang berdaftar mungkin akan berhak sekiranya beliau tidak meninggal dunia atau menjadi bankrap.

### 15.3 Syarat-syarat Penyenaiaan Papan Kedua BSKL

Peruntukan-peruntukan Syarat-syarat Penyenaiaan Papan Kedua BSKL mengenai kebolehan pemindahan sekuriti-sekuriti adalah seperti berikut:-

#### Fasal 9.5A (Pemindahan)

Pemindahan mana-mana sekuriti atau kelas sekuriti syarikat, hendaklah melalui cara kemasukan buku oleh Depositori Pusat selaras dengan Peraturan-peraturan Depositori Pusat dan, tanpa mengambil kira Seksyen 103 dan 104 Akta Syarikat, 1965, tetapi tertakluk kepada subseksyen 107C(2) Akta Syarikat, 1965 dan apa-apa pengecualian yang mungkin dibuat daripada pematuhan dengan subseksyen 107C(1) Akta Syarikat, 1965, syarikat hendaklah dikecualikan daripada mendaftarkan dan menguatkuasakan apa-apa pemindahan sekuriti.

#### Fasal 9.5B (Pemindahan sekuriti daripada daftar asing)

(1) Di mana-

- (a) sekuriti syarikat disenaraikan di Tempat Pasaran Diluluskan; dan
- (b) syarikat sedemikian dikecualikan daripada mematuhi Seksyen 14 Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991 atau Seksyen 29 Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan), 1998, mengikut keadaan, di bawah Peraturan-peraturan Depositori Pusat berhubung dengan sekuriti sedemikian,

syarikat sedemikian hendaklah, atas permintaan pemegang sekuriti, membenarkan pemindahan sekuriti dipegang oleh pemegang sekuriti daripada daftar pemegang-pemegang yang disenggarakan oleh pendaftar syarikat dalam bidang kuasa Tempat Pasaran Diluluskan (selepas ini dirujuk sebagai "Daftar Asing"), untuk mendaftarkan pemegang-pemegang yang disenggarakan oleh pendaftar syarikat di Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai "Daftar Malaysia") tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- (i) tidak akan terdapat perubahan dalam pemilikan sekuriti tersebut; dan
- (ii) penukaran hendaklah disempurnakan dengan menyebabkan sekuriti sedemikian dikreditkan secara langsung ke dalam akaun pemegang sekuriti.

### 15.4 Akta Syarikat, 1965

Peruntukan-peruntukan dalam Akta Syarikat, 1965 mengenai kebolehan pemindahan sekuriti-sekuriti adalah seperti berikut:-

#### Seksyen 103(1)

Tanpa mengambilkira apa-apa dalam tataurusan pertubuhan syarikat tidak boleh mendaftar pemindahan saham atau debentur melainkan suratcara pemindahan yang sewajarnya dalam borang ditetapkan telah dihantar kepada syarikat, tetapi subseksyen ini tidak akan menjejaskan apa-apa kuasa untuk mendaftar sebagai pemegang saham atau pemegang debentur mana-mana orang kepada siapa hak kepada mana-mana saham dalam atau debentur-debentur syarikat telah dipindahkan melalui operasi undang-undang.



### **Seksyen 103(1A)**

Tiada apa dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai melibatkan keesahan mana-mana suratcara yang akan berkesan untuk memindah saham atau debentur selain daripada seksyen ini; dan mana-mana suratcara yang dimaksudkan untuk dibuat dalam mana-mana borang yang rasmi atau biasa digunakan, atau dalam mana-mana borang lain yang dibenarkan atau dikehendaki untuk tujuan selain daripada seksyen ini sebelum penguatkuasaan Akta ini, hendaklah mencukupi, sama ada atau tidak ia disempurnakan selaras dengan borang yang ditetapkan, sekiranya ia mematuhi syarat-syarat kepada pelaksanaan dan kandungan yang terpakai kepada pemindahan.

Dengan syarat bahawa syarikat tidak boleh mendaftar pemindahan saham atau debentur, hakmilik yang dibuktikan melalui sijil yang dikeluarkan pada atau selepas tarikh berkuatkuasanya subseksyen ini melainkan suratcara pemindahan sewajarnya dalam borang ditetapkan telah diserahkan kepada syarikat.

### **Seksyen 107C (1)**

Pada atau selepas beroperasinya seksyen ini, pemindahan mana-mana sekuriti atau kelas sekuriti syarikat sekuriti yang mana atau kelas sekuriti yang mana telah didepositkan dengan depositori pusat hendaklah melalui cara kemasukan buku oleh depositori pusat selaras dengan peraturan-peraturan depositori pusat dan, tanpa mengambil kira seksyen 103 dan 104, syarikat tersebut hendaklah dikecualikan daripada mendaftarkan dan menguatkuasakan apa-apa pemindahan sekuriti.

### **Seksyen 107C(2)**

Subseksyen (1) tidak terpakai kepada pemindahan sekuriti kepada depositori pusat atau syarikat nomininya.

## **15.5 Peraturan MCD**

Peraturan-peraturan dalam MCD mengenai kebolehan pemindahan sekuriti-sekuriti adalah seperti berikut:-

### **Peraturan 8.01 (2)**

Deposituri pusat boleh, dalam budibicara mutlak, menolak permintaan yang dibuat oleh pendeposit di bawahnya, di mana alasan bagi pemindahan tersebut tidak termasuk di bawah mana-mana alasan-alasan dibenarkan di bawah Peraturan 8.03(1)(c).

### **Peraturan 8.05A**

Pemindahan-pemindahan yang dibuat oleh ejen depositori bertauliah daripada akaun ejen prinsipal atau nomini hendaklah tertakluk kepada Peraturan-peraturan dalam Bab ini.

### **Peraturan 9.03(2)**

Adalah menjadi tanggungjawab ejen deposituri bertauliah, dalam memproses pemindahan di antara dua akaun sekuriti milik pendeposit yang berbeza (selepas ini dirujuk sebagai "pemindahan antara akaun"), untuk memeriksa dan memastikan kesempurnaan, ketepatan dan/atau ketulian dokumen yang diserahkan seperti berikut:-

- (a) Borang FTF010 yang ditetapkan (borang permintaan bagi pemindahan biasa sekuriti) atau Borang FTF015 (borang permintaan untuk pemindahan ekspres sekuriti) dilengkapkan sepenuhnya dan sewajarnya dalam tiga salinan;
- (b) Pendeposit Memindah telah menandatangani bahagian Pemindah borang tersebut yang disaksikan dengan sewajarnya oleh seorang lain (selain isteri/suami Pendeposit);

- (c) Pendeposit Memindah telah menyatakan alasan beliau untuk pemindahan dan bahawa alasan bagi pemindahan tersebut adalah atau di antara mana-mana alasan yang dibenarkan sebagaimana dinyatakan di bawah ini:-
- (i) pengaliran dan pemindahan sekuriti yang timbul daripada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis atau perintah mahkamah dalam bidangkuasa yang kompeten;
  - (ii) pembetulan kesilapan;
  - (iii) sandaran, gadaian atau gadai janji;
  - (iv) tawaran mandatori selaras dengan peruntukan-peruntukan Kod mengenai Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia 1987;
  - (v) mana-mana keadaan lain yang dianggap wajar oleh Depositori Pusat selepas berunding dengan SC;
- (d) dokumen untuk menyokong alasan bagi pemindahan;
- (e) dokumen mengiringi lain yang diproses dengan sewajarnya dalam cara tertentu sebagaimana Depositori Pusat mungkin dari masa ke masa tentukan dalam Manual Prosedurnya.

#### 15.6 Para Pengarah dan Pemegang-pemegang Saham Utama

1. Nama, alamat dan pekerjaan para Pengarah Poh Huat dinyatakan dalam Seksyen 1.0 Prospektus ini.
2. Seorang Pengarah tidak diperlukan untuk memegang apa-apa saham kelayakan dalam Syarikat.
3. Kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah, tidak ada Pengarah, Pegawai Eksekutif Kanan atau orang yang dicalonkan untuk menjadi Pengarah atau Pegawai Eksekutif Kanan adalah atau telah terlibat dalam peristiwa-peristiwa berikut:-
  - (a) petisyen di bawah mana-mana undang-undang kebangkrapan yang difailkan terhadap orang tertentu atau mana-mana perkongsian dalam mana beliau merupakan rakan kongsi atau mana-mana perbadanan yang beliau adalah seorang Pegawai Eksekutif;
  - (b) sabitan dalam prosiding jenayah atau subjek yang dinamakan dalam prosiding jenayah yang belum diputuskan; atau
  - (c) subjek mana-mana perintah, penghakiman atau keputusan mana-mana mahkamah yang mempunyai bidangkuasa kompeten, tribunal atau badan kerajaan melarang beliau secara kekal atau sementara daripada bertindak sebagai penasihat pelaburan, peniaga sekuriti, pengarah atau kakitangan institusi kewangan dan terlibat dalam mana-mana jenis amalan atau kegiatan perniagaan.

Pada 3 Julai 1996, En Tay Kim Huat telah membayar denda sebanyak RM1,000 bagi struktur bangunan yang tidak dibenarkan. Struktur tersebut kemudiannya telah dirobohkan dalam mematuhi perintah daripada Majlis Daerah Muar Selatan.

4. Tidak ada para Pengarah Syarikat yang mempunyai apa-apa kontrak perkhidmatan sedia ada atau dicadangkan dengan Syarikat atau anak-anak syarikatnya, tiadak termasuk kontrak-kontrak yang tamat atau yang boleh ditamatkan oleh syarikat yang menggajinya tanpa bayaran atau pampasan (selain pampasan berkanun) dalam masa satu tahun.

5. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 1999, jumlah yang dibayar kepada para Pengarah bagi perkhidmatan-perkhidmatan dalam semua keupayaan Syarikat dan anak-anak syarikatnya adalah RM300,301. Bagi tahun kewangan semasa akan berakhir 31 Oktober 2000, imbuhan para Pengarah dianggarkan akan berjumlah RM559,000.
6. Kecuali sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 8.2 Prospektus ini berhubung dengan Pengambilalihan dan seksyen 15.6.8 Prospektus ini, tidak ada Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat mempunyai apa-apa kepentingan, langsung atau tidak langsung, dalam penganjuran atau dalam mana-mana aset yang dibeli atau dicadang untuk dibeli atau aset-aset dilupuskan atau dicadang untuk dilupuskan oleh atau dipajak atau dicadang untuk dipajak kepada Syarikat atau anak-anak syarikatnya dalam masa 2 tahun sebaik sahaja sebelum tarikh Prospektus ini.

Kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah, tidak ada Pengarah atau pemegang saham utama Syarikat mempunyai apa-apa kepentingan langsung atau tidak langsung, dalam mana-mana perniagaan yang menjalankan perdagangan yang sama seperti Syarikat dan anak-anak syarikatnya dan yang tidak disebut harga pada bursa saham yang diiktiraf:-

<i>Pengarah/Pemegang Saham Utama</i>	<i>Syarikat</i>	<i>Kepentingan Ekuiti Berkesan %</i>	<i>Jenis Perniagaan</i>
Tay Kim Huat	TKH Resources Sdn Bhd	50.00	Pelaburan harta
Toh Bee Ching	TKH Resources Sdn Bhd	50.00	Pelaburan harta

Sebagaimana dinyatakan di bawah, tidak ada kontrak atau pengaturan yang wujud pada tarikh Prospektus ini dalam mana seorang Pengarah Syarikat berkepentingan secara material dan yang penting berhubung dengan perniagaan Syarikat dan anak-anak syarikatnya.

#### **Pengarah      Jenis Kepentingan**

Tay Kim Huat	Pada 4 September 1998, PH Furniture telah menandatangani perjanjian penyewaan dengan TKH Resources Sdn Bhd untuk menyewa daripada TKH Resources Sdn Bhd, sebuah kilang yang terletak di Lot PTD No. 1533, Kawasan Perindustrian Bukit Pasir, Muar, Johor Darul Takzim. En Tay Kim Huat memegang 50% kepentingan ekuiti dalam TKH Resources Sdn Bhd. sewa bulanan yang perlu dibayar oleh PH Furniture ialah RM62,000, yang berdasarkan kadar komersil dan adalah pada terma-terma biasa.
--------------	--

9. Berdasarkan Daftar para Pengarah pada 11 Februari 2000 (merupakan tarikh terakhir paling munasabah sebelum Prospektus ini dicetak), kepentingan langsung dan tidak langsung pemegang-pemegang saham utama (dengan pemegangan saham lebih daripada 2.00%), dalam modal saham yang diterbitkan dan berbayar Syarikat sebelum dan selepas Terbitan Awam adalah seperti berikut:-

<i>Nama</i>	<i>Sebelum Terbitan Awam</i>				<i>Selepas Terbitan Awam</i>			
	<i>--- Langsung ---</i>		<i>--- Tak Langsung ---</i>		<i>--- Langsung ---</i>		<i>--- Tak Langsung ---</i>	
	<i>Bil saham</i>	<i>%</i>	<i>Bil saham</i>	<i>%</i>	<i>Bil saham</i>	<i>%</i>	<i>Bil saham</i>	<i>%</i>
Tay Kim Huat	9,859,757	28.17	-	-	9,859,757	21.43	-	-
Ng Ah Poh	6,871,951	19.63	-	-	6,871,951	14.94	-	-
Tay Kim Hui	3,869,384	11.06	-	-	3,869,384	8.41	-	-
Dato' Haji Zakariya bin Mohamed	-	-	<sup>(a)</sup> 10,500,000	30.00	-	-	<sup>(a)</sup> 10,500,000	22.83
Madzilah binti Mansor	-	-	-	-	-	-	-	-
Boo Chin Liong	-	-	-	-	-	-	-	-

*Nota :-*

- (a) *Dianggap berkepentingan selaras dengan kepentingan ekuiti 99.99% beliau dalam Sewina Sdn Bhd. Lembaga Pengarah Sewina Sdn Bhd terdiri daripada Dato' Haji Zakariya bin Mohamed dan Encik Mohamad Harith bin Zakariya.*

10. Semua Saham Terbitan Awam diterbitkan oleh Syarikat tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Prospektus ini.

11. Tidak ada opsyen untuk melanggan bagi sekuriti-sekuriti Syarikat atau anak-anak syarikatnya telah diberikan kepada atau dilaksanakan oleh mana-mana Pengarah semasa tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Oktober 1999.

12. Menurut Daftar Pemegang-pemegang Saham utama Syarikat pada 11 Februari 2000 (merupakan tarikh terakhir paling munasabah sebelum Prospektus ini dicetak), kepentingan langsung dan tidak langsung pemegang-pemegang saham utama (dengan pemegangan saham 2% atau lebih), dalam Syarikat sebelum dan selepas Terbitan Awam dinyatakan di bawah:-

Pemegang Saham Utama	Sebelum Terbitan Awam				Selepas Terbitan Awam			
	Langsung		Tak Langsung		Langsung		Tak Langsung	
	<i>Bil saham</i>	%	<i>Bil saham</i>	%	<i>Bil saham</i>	%	<i>Bil saham</i>	%
Tay Kim Huat	9,859,757	28.17	-	-	9,859,757	21.43	-	-
Ng Ah Poh	6,871,951	19.63	-	-	6,871,951	14.94	-	-
Tay Kim Hau	3,869,384	11.06	-	-	3,869,384	8.41	-	-
Toh Bee Ching	1,575,000	4.50	-	-	1,575,000	3.42	-	-
Toh Ker Sin	1,161,954	3.32	-	-	1,161,954	2.53	-	-
Loi Hui Kim	1,161,954	3.32	-	-	1,161,954	2.53	-	-
Sewina Sdn Bhd	10,500,000	30.00	-	-	10,500,000	22.83	-	-
Dato' Haji Zakariya bin Mohamed	-	-	<sup>(a)</sup> 10,500,000	30.00	-	-	<sup>(a)</sup> 10,500,000	22.83

**Nota :-**

- (a) *Dianggap berkepentingan melalui kepentingan ekuiti 99.99% beliau dalam Sewina Sdn Bhd. Lembaga Pengarah Sewina Sdn Bhd terdiri daripada Dato' Haji Zakariya bin Mohamed and Encik Mohamad Harith bin Zakariya.*

## 15.7 Am

1. Jenis perniagaan Syarikat dan nama semua perbadanan yang dianggap berhubungkait dengan Syarikat selaras dengan Seksyen 6 Akta Syarikat, 1965 dinyatakan dalam seksyen 2.1 dan 8.0 Prospektus ini.

2. Masa pembukaan dan penutupan Senarai Permohonan bagi Terbitan dinyatakan dalam seksyen 16.1 dan 16.2 Prospektus ini.

3. Jumlah perlu dibayar sepenuhnya semasa permohonan kepada Syarikat ialah RM1.80 setiap saham.

4. Pada tarikh Prospektus ini, Syarikat dan anak-anak syarikatnya tidak mempunyai apa-apa sekuriti hutang boleh tukar yang belum dijelaskan.

5. Kecuali bagi Saham Terbitan Awam yang dirizabkan untuk kakitangan Kumpulan yang layak selaras dengan Prospektus, pada masa ini tidak ada skim-skim lain untuk atau melibatkan kakitangan dalam modal Syarikat atau anak-anak syarikatnya.

6. Kecuali bagi perenggan (a), (b) dan (c) di bawah, tidak ada jumlah yang dibayar dalam masa 2 tahun sebaik sahaja sebelum tarikh Prospektus ini atau yang perlu dibayar oleh Syarikat atau anak-anak syarikatnya berhubung dengan terbitan atau jualan mana-mana modal Syarikat atau anak-anak syarikatnya sebagai komisyen, disakaun, pembrokeran atau terma-terma khas lain bagi langganan atau bersetuju untuk melanggan atau mengusahakan atau bersetuju untuk mengusahakan bagi mana-mana saham dalam atau debentur Syarikat dan anak-anak syarikatnya dan tidak ada Pengarah, penganjur atau pakar adalah atau berhak untuk menerima komisyen tertentu:-

- (a) Komisyen Taja Jamin yang perlu dibayar oleh Syarikat kepada Pengurus Taja Jamin dan beberapa Penaja Jamin yang disebut dalam Prospektus ini pada kadar 1.50% harga terbitan RM1.80 setiap saham ke atas jumlah bilangan saham ditaja jamin seperti dinyatakan dalam seksyen 6.6 Prospektus ini.
- (b) Pembrokeran yang perlu dibayar oleh Syarikat pada kadar 1.0% daripada harga terbitan RM1.80 setiap saham berhubung dengan permohonan yang berjaya yang membawa cop MIMB, ahli Syarikat BSKL, ahli Persatuan Bank di Malaysia, ahli Persatuan bank Saudagar di Malaysia atau MIDF Consultancy and Corporate Services Sendirian Berhad.
- (c) Perbelanjaan sampingan kepada Terbitan Awam dan penyenaian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar di BSKL berjumlah lebih kurang RM1,300,000 akan ditanggung oleh Syarikat.

Tidak ada jumlah atau faedah telah dibayar atau diberi dalam masa 2 tahun sebaik sahaja sebelum tarikh Prospektus ini, tidak juga ia berhasrat untuk dibayar atau diberi, kepada mana-mana penganjur.

Nama dan alamat Juruaudit Syarikat dinyatakan dalam seksyen 1.0 Prospektus ini.

Tidak ada harta telah dibeli atau dicadangkan untuk dibeli oleh Syarikat atau anak-anak syarikatnya dalam pertimbangan Terbitan Awam.

Kecuali bagi Terbitan Awam selaras dengan Prospektus ini, tidak ada niat pada masa ini di pihak para Pengarah Syarikat untuk menerbitkan mana-mana bahagian daripada modal saham Syarikat yang dibenarkan tetapi tidak diterbitkan.

Kecuali sebagaimana dinyatakan dalam Prospektus ini, para Pengarah tidak menyedari akan apa-apa maklumat material termasuk faktor-faktor perdagangan atau risiko-risiko yang tidak berkemungkinan untuk diketahui atau dijangka oleh orang awam dan yang mungkin secara material menjejaskan keuntungan Syarikat atau anak-anak syarikatnya.

Kumpulan belum lagi menubuhkan tempat perniagaan di luar Malaysia.

13. Kecuali sebagaimana dinyatakan dalam Prospektus ini, keadaan kewangan dan operasi Syarikat dan anak-anak syarikatnya secara material tidak terjejas oleh mana-mana daripada yang berikut:-

- (a) arah aliran atau permintaan yang diketahui, komitmen, kejadian atau ketidakpastian yang akan menyebabkan atau secara munasabahnyanya boleh menyebabkan kecairan dalam Kumpulan bertambah atau berkurangan dalam apa-apa cara yang material;
- (b) kejadian atau urusaniaga atau perubahan ekonomi luar biasa atau jarang-jarang berlaku yang secara material menjejaskan jumlah pendapatan dilaporkan daripada operasi Kumpulan ; dan
- (c) arah aliran atau ketidakpastian yang diketahui yang telah atau yang mana Syarikat secara munasabah menjangkakan akan mempunyai kesan material menguntungkan atau merugikan ke atas perolehan atau pendapatan operasi Kumpulan; dan
- (d) komitmen material untuk perbelanjaan modal.

14. Cara dalam mana salinan Prospektus ini bersama dengan Borang Permohonan Rasmi dan sampul surat boleh diperolehi dinyatakan dalam seksyen 16.0 Prospektus ini.

#### 15.8 **Kontrak Material**

Tidak ada kontrak yang adalah atau mungkin material (bukan merupakan kontrak yang ditandatangani dalam perjalanan biasa perniagaan) yang telah ditandatangani oleh Syarikat atau anak-anak syarikatnya dalam tempoh 2 tahun sebaik sahaja sebelum tarikh Prospektus ini keculai bagi yang berikut:-

2 Perjanjian Jual Beli bertarikh 12 Mei 1999 di antara PH Furniture dan Legitec Sdn Bhd bagi pelupusan oleh PH Furniture 2 bidang tanah pegangan kekal di bawah EMR 86, Lot 263 & GM265 Lot 262, Mukim SungaiTerap, Daerah Muar, Johor Darul Takzim bagi balasan tunai sebanyak RM310,000.

Perjanjian Jual Beli bertarikh 30 November 1999 di antara Poh Huat dan pemegang-pemegang saham PH Furniture bagi pengambilalihan oleh Poh Huat bagi keseluruhan modal saham PH Furniture yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada 6,150,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi balasan belian sebanyak RM43,114,231 untuk dijelaskan melalui terbitan 34,999,998 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Poh Huat pada harga terbitan lebih kurang RM1.23 setiap saham.

Perjanjian Taja Jamin bertarikh 22 Disember 1999 di antara Poh Huat, MIMB dan penaja-penaja jamin yang dinyatakan dalam seksyen 1.0 Prospektus ini bagi penajaan 5,900,000 Saham Terbitan Awam pada komisyen taja jamin sebanyak 1.5% daripada harga Terbitan Awam sebanyak RM1.80 setiap saham; dan

#### 15.9 **Litigasi Material**

Syarikat mahupun anak-anak syarikatnya tidak terlibat dalam apa-apa litigasi sama ada sebagai plaintif atau defendan dan para Pengarah tidak mengetahui mengenai apa-apa prosiding yang belum diputuskan atau diancam atau sebarang fakta yang berkemungkinan secara material atau kurang baik menjejaskan kedudukan atau perniagaan Syarikat atau anak-anak syarikatnya.

#### 15.10 **Liabiliti Kontigen**

Kecuali sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 8.8(c) Prospektus ini, Kumpulan tidak mempunyai liabiliti kontigen.

#### 15.11 **Pengambilalihan Awam**

Dalam tahun kewangan yang lepas dan tahun kewangan semasa sehingga tarikh Prospektus ini, tidak terdapat :-

- (a) tawaran pengambilalihan awam oleh pihak ketiga berhubung dengan saham-saham Syarikat; atau
- (b) tawaran pengambilalihan awam oleh Syarikat berhubung dengan saham-saham syarikat lain.

#### 15.12 Kebenaran

Kebenaran bertulis Penasihat dan Pengurus Taja Jamin, Penaja-penaja Jamin, Jurubank Utama, Peguamcara bagi Terbitan Awam, Pendaftar Saham dan Rumah Terbitan kepada kemasukan dalam Prospektus ini akan nama-nama mereka dalam bentuk dan konteks dalam mana nama-nama tersebut kelihatan telah diberi sebelum Prospektus ini diterbitkan dan selepas itu telah tidak ditarik balik.

Kebenaran bertulis Juruaudit dan Akauntan Melapor kepada kemasukan dalam Prospektus ini akan nama mereka, Laporan Akauntan dan surat-surat berhubung dengan Ramalan Keuntungan Disatukan bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Oktober 2000 dan Proforma Kunci Kira-kira pada 31 Oktober 1999 dalam bentuk dan konteks dalam mana ia terkandung dalam Prospektus ini telah diberi sebelum Prospektus ini diterbitkan dan selepas itu telah tidak ditarik balik.

Jurunilai telah memberi dan selepas itu tidak menarik balik kebenaran mereka kepada kemasukan dalam Prospektus ini akan nama dan sijil penilaian dalam bentuk dan konteks dalam mana ia terkandung dalam Prospektus ini.

#### 15.13 Dokumen untuk Pemeriksaan

Salinan dokumen-dokumen berikut tersedia untuk pemeriksaan di Pejabat Berdaftar Syarikat dalam waktu biasa pejabat bagi tempoh 6 bulan dari tarikh Prospektus ini :-

- (a) Memorandum dan Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan anak-anak syarikatnya.
- (b) Surat-surat Akauntan Melapor berhubung dengan Ramalan Keuntungan Disatukan bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Oktober 2000 dan Proforma Kunci Kira-kira Disatukan pada 31 Oktober 1999 dimasukkan dalam Prospektus ini.
- (c) Laporan Akauntan dan Sijil Penilaian dimasukkan dalam Prospektus ini.
- (d) Laporan Pengarah dimasukkan dalam Prospektus ini.
- (e) Akaun-akaun teraudit Poh Huat dan anak-anak syarikatnya bagi lima tahun yang lepas berakhir 31 Oktober 1999.
- (f) Kontrak-kontrak material yang dirujuk dalam perenggan 15.8 di atas.
- (g) Surat-surat kebenaran yang dirujuk dalam perenggan 15.12 di atas.
- (h) Sijil Penilaian ke atas harta tanah sebagaimana dimasukkan dalam Prospektus ini dengan laporan-laporan penilaian yang dirujuk dalam Prospektus ini.

#### 15.14 Tanggungjawab

MIMB mengakui bahawa setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaiknya, Prospektus ini mengandungi pendedahan sepenuhnya dan sebenarnya akan semua fakta material mengenai Terbitan Awam dan Kumpulan Poh Huat, dan berpuas hati bahawa ramalan keuntungan disatukan bagi tahun akan berakhir 31 Oktober 2000 (untuk yang mana para Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya) telah dinyatakan oleh para Pengarah Poh Huat selepas pertanyaan rapi dan berhati-hati.

Prospektus ini telah dilihat dan diluluskan oleh para Pengarah Poh Huat, dan mereka secara bersama-sama dan individu menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi ketepatan maklumat yang diberikan dan mengesahkan bahawa selepas membuat semua pertanyaan munasabah dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, tidak terdapat fakta-fakta lain yang peninggalannya akan membuat apa-apa kenyataan dalam Prospektus ini mengelirukan.

## 16.0 TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN

### 16.1 Pembukaan dan Penutupan Senarai Permohonan

Senarai Permohonan bagi Saham Terbitan Awam akan dibuka pada jam 10.00 pagi pada 8 Mac 2000 dan akan terus dibuka sehingga jam 8.00 malam pada hari yang sama atau tempoh atau tempoh-tempoh selanjutnya sebagaimana para Pengarah Poh Huat mengikut budi bicara mutlak mereka mungkin putuskan.

### 16.2 Borang-borang Permohonan

Borang-borang Permohonan berkaitan berikut yang dikeluarkan dengan Prospektus ini dianggap membentuk sebahagian daripadanya:-

- (a) Borang-borang Permohonan **Merah Jambu** untuk permohonan oleh kakitangan Kumpulan Poh Huat yang layak dan orang-orang yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan; dan
- (b) Borang-borang Permohonan **Putih** untuk permohonan oleh pelabur-pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI dan warganegara, syarikat, koperasi, persatuan dan institusi Malaysia, yang mana sekurang-kurangnya 30% akan diketepikan khas untuk individu, syarikat, persatuan, koperasi dan institusi Bumiputera.

Borang-borang Permohonan **Putih** bersama dengan salinan Prospektus ini boleh didapati, tertakluk kepada ketersediaan, daripada MIMB, syarikat-syarikat ahli BSKL, ahli-ahli Persatuan Bank di Malaysia, ahli-ahli Persatuan Bank Saudagar di Malaysia dan MIDFCCS.

### 16.3 Tatacara bagi Permohonan

- (a) **Permohonan oleh Kakitangan Kumpulan Poh Huat Yang Layak dan orang-orang yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan**

Permohonan bagi 1,800,000 Saham Terbitan Awam dirizabkan untuk kakitangan Kumpulan yang layak dan orang-orang yang menyumbang kepada kejayaan Kumpulan hendaklah dibuat pada Borang-borang Permohonan **Merah Jambu**.

- (b) **Permohonan oleh Pelabur-pelabur Awam Malaysia**

Permohonan bagi 5,900,000 Saham Terbitan Awam disediakan untuk permohonan oleh pelabur-pelabur awam Malaysia hendaklah dibuat pada Borang-borang Permohonan **Putih**.

- (c) **Permohonan Pelabur-pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI**

Permohonan bagi 3,300,000 Saham Terbitan Awam disediakan untuk permohonan oleh pelabur-pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI hendaklah dibuat pada Borang-borang Permohonan **Putih**.

Hanya satu (1) Borang Permohonan daripada setiap pemohon akan dipertimbangkan dan permohonan hendaklah untuk 1,000 saham biasa atau gandaannya. **PERMOHONAN BERGANDA TIDAK AKAN DITERIMA**. Jumlah penuh perlu dibayar semasa permohonan ialah RM1.80 setiap saham. Para Pengarah dan kakitangan MIDFCCS dan keluarga terdekat mereka dilarang daripada memohon bagi Saham Terbitan Awam.



Permohonan bagi Saham Terbitan Awam hendaklah dibuat pada Borang-borang Permohonan yang disediakan bersama dengan Prospektus ini dan hendaklah dilengkapi selaras dengan Nota-nota dan Arahan-arahan yang dicetak di bahagian belakang Borang-borang Permohonan. Selaras dengan Seksyen 37(1) Akta Syarikat, 1965, Borang-borang Permohonan bersama dengan Nota-nota dan Arahan-arahan yang dicetak di dalamnya akan menjadi bahagian penting Prospektus ini. Permohonan yang tidak **mematuhi** terma-terma Prospektus ini atau Borang-borang Permohonan atau Nota-nota dan Arahan-arahan yang dicetak di dalamnya atau yang tidak dapat dibaca tidak akan diterima.

#### 16.4 Terma-terma Bayaran

Setiap Borang Permohonan yang telah dilengkapi hendaklah disertakan dengan kiriman wang dalam Ringgit Malaysia bagi jumlah penuh perlu dibayar melalui sama ada:-

- (a) DRAF JURUBANK ATAU PERINTAH JURUWANG yang dibeli di Malaysia sahaja dan dikeluarkan ke atas sebuah bank di Kuala Lumpur (dibezakan dengan jalur merah khas untuk pemohon Bumiputera); atau
- (b) KIRIMAN WANG ATAU WANG POS (untuk pemohon dari Sabah dan Sarawak sahaja); atau
- (c) PERINTAH GIRO DIJAMIN ("GGO") daripada Bank Simpanan Nasional Lumpur (dibezakan dengan jalur merah khas untuk pemohon Bumiputera); ATAU
- (d) PENYATA ATM YANG DIPEROLEHI DARIPADA MANA-MANA YANG BERIKUT:
  - (i) Arab-Malaysian Bank Berhad (295576-U);
  - (ii) Arab-Malaysian Finance Berhad (5493-X);
  - (iii) Asia Commercial Finance (M) Berhad (6521-U);
  - (iv) Ban Hin Lee Bank Berhad (1147-M);
  - (v) BSN Commercial Bank Berhad (23877-T);
  - (vi) Bank Utama (Malaysia) Berhad (27714-A);
  - (vii) Bumiputra-Commerce Bank Berhad (13491-P);
  - (viii) Credit Corporation Malaysia Berhad (5023-H);
  - (ix) EON Bank Berhad (92351-V);
  - (x) EON Finance Berhad (9296-K);
  - (xi) Hock Hua Bank Berhad (111501-D);
  - (xii) Hong Leong Bank Berhad (97141-X);
  - (xiii) Hong Leong Finance Berhad (7797-V);
  - (xiv) International Bank Malaysian Berhad (22671-U);
  - (xv) Malayan Banking Berhad (3813-K);
  - (xvi) Mayban Finance Berhad (3905-T);
  - (xvii) MBf Finance Berhad (8515-D);
  - (xviii) Multi-Purpose Bank Berhad (88103-W);
  - (xix) Oriental Bank Berhad (845-W);
  - (xx) Phileo Allied Bank (Malaysia) Berhad (306350-K);
  - (xxi) Public Bank Berhad (6463-H);
  - (xxii) Public Finance Berhad (6471-U);
  - (xxiii) RHB Bank Berhad (6171-M);
  - (xxiv) Sabah Bank Berhad (45788-D);
  - (xxv) The Pacific Bank Berhad (5024-T);
  - (xxvi) United Merchant Finance Berhad (3838-T)

DAN HENDAKLAH DIBUAT ATAS NAMA

"MIDF SHARE ISSUE ACCOUNT NO. 498

DAN DIPALANG "**AKAUN PENERIMA SAHAJA**" (TIDAK TERMASUK PENYATA ATM) DAN DIENDORSKAN DI BAHAGIAN BELAKANG DENGAN NAMA DAN ALAMAT PEMOHON (SAMA SEPERTI YANG DINYATAKAN PADA BORANG PERMOHONAN).

NAMA DAN ALAMAT PENUH PEMOHON HENDAKLAH SAMA SEPERTI DALAM KAD PENGENALAN PEMOHON (BERSAMA DENGAN KAD PERTUKARAN ALAMAT ATAU RESIT PENUKARAN KAD PENGENALAN JPN 1/22 DI MANA BERKENAAN) ATAU RESIT PENGENALAN SEMENTARA JPN 1/9 DALAM KES PEMOHON INDIVIDU KECUALI ANGGOTA TENTERA/KAKITANGAN POLIS YANG MANA HENDAKLAH BERDASARKAN ALAMAT KEM/PENKALAN/STESEN PEMOHON MASING-MASING. DALAM HAL PEMOHON KORPORAT/INSTITUSI, NAMA PEMOHON HENDAKLAH SAMA SEPERTI DALAM SIJIL PEMERBADANAN DAN ALAMAT HENDAKLAH SAMA DENGAN ALAMAT BERDAFTAR.

PERMOHONAN-PERMOHONAN YANG DISERTAKAN DENGAN MANA-MANA CARA PEMBAYARAN SELAIN DARIPADA YANG DINYATAKAN DI ATAS ATAU DENGAN KIRIMAN WANG YANG BERLEBIHAN ATAU BERKURANGAN TIDAK AKAN DITERIMA. BUTIR-BUTIR BAYARAN HENDAKLAH DIISI DALAM KOTAK-KOTAK YANG DISEDIAKAN DALAM BORANG-BORANG PERMOHONAN.

Setiap Borang Permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar melalui POS BIASA ATAU DIHANTAR DENGAN TANGAN dalam sampul-sampul rasmi yang disediakan ke alamat berikut:-

**MIDF Consultancy & Corporate Services Sendirian Berhad**  
**195A Jalan Tun Razak**  
**Peti Surat 11122**  
**50736 Kuala Lumpur**

agar sampai tidak lewat dari **jam 8.00 malam pada 8 Mac 2000** atau dihantar dengan tangan ke cawangan-cawangan Oriental Bank Berhad di alamat-alamat berikut:-

- |  |   |
|--|---|
| 1. <b>Cawangan Klang</b><br>No.2, Jalan Kapar<br>41400 Klang   | 7. <b>Cawangan Wangsa Maju</b><br>No. 10, Jalan 1/27B<br>Bandar Baru Wangsa Maju<br>53300 Kuala Lumpur                              |
| 2. <b>Cawangan Kepong</b><br>No. 60, Jalan 2<br>52100 Kuala Lumpur   | 8. <b>Cawangan Balakong</b><br>No. S-7, Jalan 1/6<br>Taman Indah<br>Batu 11, Jalan Balakong<br>43200 Cheras<br>Selangor Darul Ehsan |
| 3. <b>Cawangan Utama Kuala Lumpur</b><br>Bangunan Oriental Bank<br>No. 1, Jalan Hang Lekiu<br>50100 Kuala Lumpur | 9. <b>Cawangan Segambut</b><br>No. 36-38, Jalan Segambut Utara<br>51200 Kuala Lumpur  |
| 4. <b>Cawangan Selayang</b><br>No. 141-143, Jalan 2/3A<br>Kompleks Pasar Borong Selayang<br>68100 Kuala Lumpur   | 10. <b>Cawangan SS2</b><br>No. 2, Jalan SS2/61<br>47300 Petaling Jaya<br>Selangor Darul Ehsan                                       |
| 5. <b>Cawangan Taman Sungai Besi</b><br>No. 38, Jalan 7/108C<br>Jalan Sungai Besi<br>68100 Kuala Lumpur          | 11. <b>Cawangan Bandar Park</b><br>No. 152, Jalan Mega Mendung<br>Kompleks Bandar<br>Batu 5, Jalan Klang Lama<br>58000 Kuala Lumpur |

6. **Cawangan Bukit Bintang**  
Tingkat Bawah, Wisma KLIH  
126, Jalan Bukit Bintang  
55100 Kuala Lumpur

**waktu perbankan** (jam 9.30 pagi hingga 4.00 petang dari hari Isnin hingga Jumaat dan 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari pada hari Sabtu)

Tiada pengesahan penerimaan Borang-borang Permohonan atau wang permohonan akan dibuat oleh Syarikat.

Salinan Prospektus ini bersama dengan Borang-borang Permohonan, dan sampul-sampul rasmi boleh didapati, tertakluk kepada ketersediaan daripada:-

**Malaysian International Merchant Bankers Berhad**  
**Tingkat 3, Bangunan MIDF**  
**195A, Jalan Tun Razak**  
**50400 Kuala Lumpur**

atau daripada syarikat-syarikat ahli BSKL, ahli-ahli Persatuan Bank di Malaysia, ahli-ahli Persatuan Bank Saudagar di Malaysia atau MIDFCCS.

#### 16.5 **Permohonan dan Penerimaan**

Para Pengarah Poh Huat merizabkan hak untuk tidak menerima mana-mana permohonan yang tidak mematuhi arahan-arahan atau untuk menerima mana-mana permohonan sebahagian sahaja tanpa memberi sebarang alasan terhadapnya.

**PENGEMUKAAN BORANG PERMOHONAN TIDAK BERMAKNA BAHAWA PERMOHONAN AKAN BERJAYA.**

Sekiranya berlaku terlebih langganan, penerimaan permohonan oleh orang-orang awam Malaysia akan tertakluk kepada undian yang akan ditentukan dalam cara sebagaimana diluluskan oleh para Pengarah Poh Huat. Pertimbangan sewajarnya akan diberi kepada hasrat untuk mengagihkan Saham Terbitan Awam kepada bilangan pemohon yang munasabah dengan tujuan untuk meluaskan tapak pemegang saham Syarikat dan untuk mewujudkan pasaran yang mencukupi dalam perdagangan saham-saham Poh Huat. Peruntukan akhir kepada saham-saham kepada mana-mana pemohon tunggal akan dibuat untuk memastikan bahawa Poh Huat mematuhi syarat tebaran pemegang saham disemak SC yang memerlukan sekurang-kurangnya 25% daripada modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar berada dalam tangan pemegang saham awam, dengan minimum 750 pemegang saham memegang tidak lebih daripada 1,000 saham setiap seorang pada penyenaian. Pemohon yang berjaya akan dipilih dalam cara yang akan ditentukan oleh para Pengarah Syarikat.

Sekiranya berlaku terkurang langganan oleh orang-orang awam Malaysia, kesemua Saham Terbitan Awam yang tidak dipohon akan disediakan untuk langganan oleh Pengurus Penaja Jamin dan Penaja-penaja Jamin. Mana-mana saham yang tidak dilanggan oleh kakitangan Kumpulan Poh Huat yang layak dan orang-orang yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan akan disediakan untuk permohonan oleh pelabur-pelabur awam Malaysia dan akan ditaja jamin oleh Pengurus Penaja Jamin.

Para Pengarah dan kakitangan MIDFCCS dan keluarga terdekat mereka dilarang daripada memohon bagi Saham Terbitan Awam.

DI MANA PERMOHONAN TIDAK DITERIMA ATAU DITERIMA SEBAHAGIAN SAHAJA, JUMLAH PENUH ATAU BAKI WANG PERMOHONAN, MENGIKUT KEADAAN, AKAN DIKEMBALIKAN TANPA FAEDAH KEPADA PEMOHON DALAM TEMPOH DUA PULUH SATU (21) HARI DARI TARIKH PENGUNDIAN AKHIR SENARAI PERMOHONAN MASING-MASING MELALUI POS BIASA ATAU POS BERDAFTAR, KE ALAMAT YANG DINYATAKAN PADA BORANG PERMOHONAN ATAS RISIKO PEMOHON ITU SENDIRI.

RUMAH TERBITAN MERIZABKAN HAK UNTUK MEMASUKKAN KE DALAM BANK KESEMUA WANG PERMOHONAN DARIPADA PEMOHON-PEMOHON BUMIPUTERA YANG TIDAK BERJAYA DAN PEMOHON-PEMOHON YANG BERJAYA SEBAHAGIAN SAHAJA. WANG PEMULANGAN BERHUBUNG DENGAN PEMOHON-PEMOHON YANG TIDAK BERJAYA AKAN DIKEMBALIKAN TANPA FAEDAH DAN AKAN DIHANTAR KEPADA PEMOHON DALAM TEMPOH DUA PULUH SATU (21) HARI DARI PENGUNDIAN AKHIR SENARAI PERMOHONAN MELALUI POS BERDAFTAR KE ALAMAT-ALAMAT YANG DINYATAKAN PADA BORANG PERMOHONAN ATAS RISIKO PEMOHON ITU SENDIRI.

TIADA PERMOHONAN BOLEH DIANGGAP SEBAGAI TELAH DITERIMA ATAS ALASAN KIRIMAN WANG TELAH DIKEMUKAKAN UNTUK BAYARAN.

#### 16.6 **Akaun CDS**

Selaras dengan Seksyen 29 Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991, kesemua urusan dalam saham-saham Poh Huat termasuk Saham Terbitan Awam akan dibuat secara kemasukan buku melalui akaun CDS. Tiada sijil saham akan dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang berjaya.

Pemohon hendaklah menyatakan nombor Akaun CDS dalam ruang yang disediakan pada Borang Permohonan sekiranya beliau pada masa ini mempunyai akaun sedemikian. Di mana pemohon belum lagi mempunyai akaun CDS, beliau hendaklah menyatakan dalam Borang Permohonan Kod ADA pilihannya. Satu senarai Kod ADA dibentangkan di bawah. Di mana pemohon sememangnya mempunyai akaun CDS, beliau TIDAK PERLU melengkapkan Kod ADA pilihannya.

Sekiranya pemohon yang berjaya gagal untuk menyatakan nombor akaun CDS atau Kod ADA pilihannya, Syarikat boleh, atas budi bicara mutlakanya, mengarahkan Rumah Terbitan untuk memasukkan Kod ADA pilihannya pada Borang Permohonan dan seterusnya mengarah MCD untuk membuka akaun CDS bagi pihak pemohon pada ADA yang ditetapkan dan mengkreditkan saham-saham yang diperuntukkan kepada pemohon ke akaun CDS pemohon.

Kegagalan untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan atau ketidaktepatan dalam nombor akaun CDS atau Kod ADA pilihan mungkin mengakibatkan permohonan ditolak. Para Pengarah Syarikat merizabkan hak untuk menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap dan tidak tepat.

#### 16.7 **Notis Peruntukan**

Saham-saham yang diperuntukkan kepada semua pemohon yang berjaya akan dikreditkan ke akaun CDS pemohon masing-masing. Notis peruntukan yang berjaya akan dihantar kepada pemohon-pemohon yang berjaya ke alamat-alamat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atas risiko pemohon itu sendiri dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas peruntukan akhir permohonan. Hanya ini sahajalah pengesahan penerimaan permohonan.

#### 16.8 **Pemformalan Akaun CDS**

Pemohon-pemohon yang berjaya yang akaun CDS mereka telah dibuka oleh MCD pada ADA pilihan mereka adalah dikehendaki secara formal membuka akaun mereka dengan mengemukakan kepada ADA dokumen-dokumen yang diperlukan dan yuran pembukaan akaun. Tiada urusan sahah-saham yang dikreditkan ke akaun boleh dilaksanakan sehingga akaun telah dibuka secara formal.

## 16.9 Senarai Ejen Depositori Bertauliah

Senarai Kod (Broker) ADA adalah seperti berikut:-

<b>Nama</b>	<b>Alamat dan Nombor Telefon</b>	<b>Kod Broker</b>
<b>KUALA LUMPUR</b>		
AFFIN-UOB SECURITIES SDN BHD	Aras 3, Menara Keck Seng 203, Jalan Bukit Bintang 55100 Kuala Lumpur No Tel: 03-2438668	028-001
ARAB-MALAYSIAN SECURITIES SDN BHD	Tingkat 15 Bangunan Arab-Malaysian 55, Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur No Tel: 03-2382788	086-001
BBMB SECURITIES SDN BHD	Aras 2, 3 & 4 Peti Surat No. 2 Menara Olympia 8, Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur No Tel: 03-2019900	099-001
BIMB SECURITIES SDN BHD	Tingkat 1 & 2 Blok Podium, Bangunan AMDB 1, Jalan Lumut 50350 Kuala Lumpur No Tel: 03-4433533	024-001
FIMA SECURITIES SDN BHD <i>(dahulunya dikenali sebagai Capitalcorp Securities Sdn Bhd)</i>	No. 45-14, Aras Plaza dan Aras Satu Plaza Damansara Jalan Medan Setia 1 Damansara Heights 50490 Kuala Lumpur No Tel: 03-2549966	018-001
CIMB SECURITIES SDN BHD	Tingkat 9, Commerce Square Jalan Semantan Damansara Heights 50490 Kuala Lumpur No Tel: 03-2532288	065-001
HLG SECURITIES SDN BHD	Tingkat 21, Wisma HLA Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur No Tel: 03-2452998	066-001